

ملاك هاري اين

Eksklusif  
MHI

Wawancara  
khas bersama  
Ketua Polis Melaka

MUKA 6 DAN 7



Scan dan layari isu semasa  
di [www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my)

NASKHAH PERCUMA

# ANGKARA SIAPA?

INSIDEN tumpahan minyak di perairan Tanjung Tuan dan Pantai Cermin pada 13 Oktober lepas telah menyebabkan kawasan pantai dan paya bakau terjejas teruk. Kerajaan Melaka akan membuka kertas siasatan berhubung insiden tersebut di bawah Seksyen 39 (d) Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014 yang memperuntukkan denda maksimum sebanyak RM250,000. **MUKA 2 DAN 3**



**MUKA 4 DAN 5**



fokus

Tapak haram  
simpan  
sisa toksik  
terbongkar

**MUKA 19**



Variasi

Di mana  
hilangnya  
pelabuhan  
Melaka?

Program Baharu...

Teamwork & Culinary Teambuilding



"COOK-OFF" CHALLENGE

Kini, memperkenalkan

**Program Latihan & Pembangunan Modal Insan  
di Melaka.**

Sila imbas QR Code untuk maklumat lanjut

- ✓ Performance Management
- ✓ Succession Planning
- ✓ Leadership & Influence
- ✓ Work Life Balance
- ✓ Train-The-Trainer
- ✓ Creative Problem Solving



**STARSPACE**

CONSULTANCY

Ideas · Development · Transformation

En. Ahmad Bukhari 019-479 1887

Pn. Zaleena Khalil 012-320 9521

[www.starspace.com.my](http://www.starspace.com.my)

Oleh  
FAIZ HASANMOHD FAZRUL ABDUL MAJID  
LIANA SAHABUDIN  
FARAH SUHAIDAH OTHMANTUMPAHAN MINYAK  
DI TANJUNG TUAN  
Gambar : Kementerian Alam Sekitar dan Air

## KRONOLOGI TUMPAHAN MINYAK PERAIRAN TANJUNG TUAN

### 12 OKTOBER 2020

-Agenzia Pengawal Maritim Malaysia (APMM) Melaka dan Negeri Sembilan kesan tumpahan minyak sejauh 1.3 nautika menghala ke Pulau Perjudi di perairan Tanjung Tuan, Melaka.

### 13 OKTOBER 2020

-Jawatankuasa Tindakan Pembersihan Pantai Peringkat Daerah (JTPPD) Port Dickson dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Alor Gajah telah diaktifkan untuk kerja pembersihan dan pelupusan sisa minyak.

-Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man melawat bersama delegasi kementerian ke Tanjung Tuan, Melaka.

-Hasil siasatan awal APMM Melaka dan Negeri Sembilan tiada kapal dikesan melakukan pembuangan minyak.

### 14 OKTOBER 2020

-Jabatan Alam Sekitar memberi amaran kepada orang ramai tidak menghampiri Pantai Cermin, Port Dickson dan Tanjung Tuan, Melaka akibat insiden tumpahan minyak itu.

-Kerja-kerja pembersihan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson; Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah; JAS Negeri Sembilan dan JAS Melaka; Jabatan Laut Malaysia (JLM); APMM; Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); Jabatan Perikanan; Jabatan Perhutanan; Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

### 15 OKTOBER 2020

-Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali meninjau kawasan persisiran Pantai Cermin dan Tanjung Tuan.

-Kertas siasatan dibuka kerajaan Melaka dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia bagi mengesan syarikat perkapalan yang terlibat.

### 16 OKTOBER 2020

-Kerja-kerja pembersihan masih dijalankan JAS dan APMM.

# Melaka buka kertas siasatan

TANJUNG TUAN - Kerajaan Negeri Melaka akan membuka kertas siasatan berhubung insiden tumpahan minyak di perairan Tanjung Tuan, baru-baru ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata hal itu dilakukan bagi mengesan dan mendakwa syarikat perkapalan yang bertanggungjawab melepaskan minyak di laut lepas sehingga menjaskan perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

"Kertas siasatan ini dibuka untuk akan mengambil tindakan di bawah Seksyen 39(b) Enakmen Sumber Air Negeri Melaka yang memperuntukkan denda maksimum sebanyak RM250,000.

"Jadi, saya minta pihak Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk terus menjajaki si pelaku atau mereka yang tidak bertanggungjawab ini."

"Jika alasan yang diberi adalah disebabkan kecuaian sekali pun, bagi saya ia tidak boleh dimaafkan," katanya yang ditemui ketika melawat keadaan Pantai Cermin dan Tanjung Tuan, pada 15 Oktober lepas.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, tumpahan minyak itu telah menyebabkan lebih dua kilometer kawasan pesisir pantai terjejas, termasuklah 200

meter daripadanya melibatkan kawasan Melaka.


Jelasnya, kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak itu dijangka mengambil masa yang lama berikutnya sisa tumpahan minyak masih ada di tengah laut, selain ia turut terpalit kepada kawasan paya bakau yang ada di sini.

"Kerja-kerja ini bukan mengambil masa sehari, dua sudah boleh siap. Tetapi ia mungkin berlarutan lebih lama kerana apabila kita membersihkannya ketika air surut, ia akan kembali semula ketika air pasang. Ia bermakna selagi minyak itu ada di permukaan laut, selagi itulah kerja pembersihan perlu dijalankan."

"Ia diburukkan lagi apabila minyak itu telah sampai ke kawasan paya bakau yang ada di sini. Untuk masuk dan membersihkan setiap akar pokok paya bakau bukan mudah. Banyak kerja perlu dilakukan."

"Sebab itulah saya sangat mengalu-alukan kepada mereka yang pakar dalam bidang oil and gas untuk tampil memberi bantuan. Tidak kiralah bantuan dari sudut pengalaman, mahu pun bantuan kemudahan peralatan pembersihan," katanya lagi.

**SULAIMAN** ketika meninjau keadaan Pantai Cermin yang turut terjejas dengan insiden tumpahan minyak di kawasan perairan Tanjung Tuan, baru-baru ini.



## Perangkap minyak dipasang serap sisa tumpahan

KERJA-kerja pemasangan perangkap minyak (absorbent boom) giat dijalankan sebaik pembersihan sampah hanyut dilaksanakan sekitar hutan paya bakau di Pantai Cermin, Port Dickson pada 16 Oktober lepas.

Ia perlu dilaksanakan sebaik air laut mulai surut bagi memastikan pengaliran minyak terperangkap mudah dilaksanakan.

Tinjauan mendapati, hampir 100 petugas terdiri dari 17 agensi kerajaan dan swasta yang turut disertai sukarelawan membantu kerja-kerja pemasangan dalam operasi pembersihan di sekitar lokasi itu.

Dimaklumkan, kerja-kerja pembersihan perlu dilaksanakan terdahulu berikutan terdapat timbunan sampah plastik hanyut terperangkap di celahan akar pokok bakau.

Perkara terbabit dipercayai akan mengakibatkan lebih banyak minyak

yang terperangkap di timbunan sampah tidak dapat diselamatkan sekiranya ia tidak dibersihkan.

Menurut jurucakap Jabatan Laut Malaysia Melaka (JLM) Melaka, kira-kira 120 meter 'absorbent boom' telah dipasang mengelilingi pesisiran pantai terutama di sekitar kawasan paya bakau terbabit bagi memastikan minyak terbabit benar-benar diserap menggunakan alat perangkap minyak itu.

Bagaimanapun katanya, kesemua kerja pemuliharaan pencemaran minyak itu akan dimulakan kembali sejurus air surut bagi memudahkan pengairan berlaku di kawasan terjejas.

"Apabila air mula pasang, minyak yang terperangkap di darat akan menghala kembali ke laut dan ketika itulah absorbent boom akan menyerap sisa tumpahan minyak itu."

"Sebab itulah alat ini perlu dipasang di pesisir pantai bagi memudahkan aliran minyak ketika air mulai pasang," katanya.



# Paya bakau dan pantai terjejas teruk



KIRA-kira 200 meter kawasan paya bakau di Tanjung Tuan terjejas teruk akibat tumpahan minyak di perairan itu yang turut membabitkan Pantai Cermin, Port Dickson, Negeri Sembilan, 13 Oktober lepas.

Akibat kejadian itu, perairan berkenaan kira-kira 1.3 batu nautika menghala ke Pulau Perjudi bertukar hitam dan kesan tumpahan minyak turut kelihatan sehingga hingga ke pantai Tanjung Tuan serta Teluk Kemang.

Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka Asmahani Ab. Manan berkata, pihaknya telah menjalankan kerja-kerja persampelan di kawasan pantai yang tercemar bagi mengenalpasti punca tumpahan minyak itu.

"Melaka kena teruk sebab melibatkan kawasan paya bakau, apa yang kita nampak sekarang ini dalam 200 meter di kawasan pantai ini tercemar."

"Kita suspek puncanya dari pemilik kapal, cuma pemiliknya masih dalam siasatan kerana perlukan sampel dari tangki minyak mereka dan selepas itu proses membuat pengecaman cap jari (finger printing)," katanya kepada MHI.

Katanya, pasukan JAS telah mengambil sampel minyak di pantai, namun untuk mendapatkan keputusan sampel minyak di tangki kapal ia memerlukan masa.

"Di pantai kita dah ambil sampel, tapi di kapal masih dalam proses dan selepas itu memerlukan masa dua minggu atau sebulan untuk dapatkan keputusan dari Jabatan Kimia."

"Bila melibatkan paya bakau kerja-kerja membersihkan pantai agak sukar, bagaimanapun kita dah mulakan kerja pembersihan serta mengaktifkan pelan tindakan pembersihan pantai," katanya.

Agensi yang terlibat ialah Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, JAS Negeri Sembilan dan JAS Melaka.

Selain Jabatan Laut Malaysia (JLM), Agensi Pengawalan Maritim Malaysia (APMM), Agensi Pertahanan Malaysia (APM), Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Jelas Asmahani, kes terbabit akan disiasat di bawah Seksyen 27, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan seksyen ini memperuntukkan denda maksimum RM500,000 atau penjara tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Untuk rekod, pada 13 Oktober lepas, JAS telah menerima laporan mengenai kejadian tumpahan minyak yang telah mencemarkan Pantai Cermin, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Tanjung Tuan, Melaka.

## Ambil masa beberapa bulan untuk bersihkan pencemaran



**AYER KEROH** - Kerja pembersihan dan pelupusan sisa minyak akibat pencemaran di Tanjung Tuan, dekat sini dan Pantai Cermin, Port Dickson dijangka memakan masa beberapa bulan untuk pulih.

Menurut Profesor Kehormat Pusat Kajian Samudra dan Pantai, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr. Zulfigar Yasin berkata kesan tumpahan itu minyak bergantung kepada jenis dan jumlah tumpahan minyak sebelum ianya memberi kesan kepada alam sekitar dan hidupan laut.

Katanya, melihat kepada insiden tumpahan minyak tersebut yang agak terjejas teruk dan sifat laut di kawasan terbuka menjadikan agak sukar

untuk mentafsir tempoh sebenar untuk membersihkan kawasan yang terjejas.

"Sifat laut di kawasan terbuka menjadikan kita sukar untuk memberi jangka masa yang tepat untuk pemuliharaan."

"Bagaimanapun, apa yang boleh saya katakan, ia akan mengambil masa lebih daripada beberapa bulan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr Zulfigar yang pakar alam sekitar dan hidupan marin berkata, berdasarkan insiden itu, pihak berkuasa perlu melihat jumlah tumpahan minyak yang berlaku dan kerja pembersihan kawasan bagaimanapun perlu dijalankan se-

cara teliti berikutkan operasi itu turut menggunakan bahan kimia.

Jelasnya, penggunaan bahan kimia untuk kerja pembersihan itu turut memberi kesan kepada alam sekitar dan hidupan laut sekiranya digunakan secara berlebihan.

"Kita perlu melihat jumlah tumpahan minyak yang berlaku dan kemudian, kita harus lihat juga jenis minyak yang mencemarkan alam sekitar itu, kerana minyak adalah bahan kimia yang mengandungi racun."

"Dari segi ciri-cirinya, minyak boleh bertukar dari masa ke semasa. Apabila minyak terkena cahaya matang, wap akan menyerap ke udara namun berat minyak yang tertinggal



**DR. ZULFIGAR**

di dalam air.

"Begini juga dengan bahan kimia yang digunakan untuk mencuci tumpahan minyak itu, juga perlu dilakukan secara teliti," katanya.

**II JAS tidak akan berkompromi dengan penjenayah alam sekitar dan ingin ditegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan JAS akan terus diperhebatkan demi menjamin kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat. //**

# Tapak haram simpan sisa toksik terbongkar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Sebuah tapak haram yang menjadi tempat pembuangan sisa toksik dan bahan berbahaya di Kampung Pengkalan Perigi Tanjung Kling terbongkar apabila berjaya dikesan Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Negeri Melaka.

Ketua Pengarah Alam Sekitar Norlin Jaafar berkata, bertindak hasil aduan orang ramai, JAS Negeri Melaka telah menjalankan risikan dan intipan sejak 6 Oktober lalu termasuk pemantauan dengan menggunakan dron sebelum melaksanakan operasi bersepadu ke premis tersebut bersama pihak berkuasa

dungni enapcemar minyak.

"Bertindak hasil aduan orang ramai, JAS Negeri Melaka telah menjalankan risikan dan intipan sejak 6 Oktober lalu termasuk pemantauan dengan menggunakan dron sebelum melaksanakan operasi bersepadu ke premis tersebut bersama pihak berkuasa

pada 8 Oktober lepas," katanya dalam satu kenyataan.

Hasil penemuan itu, beliau berkata pihak JAS akan menjalankan 'finger printing' dan pengumpulan bahan bukti untuk menjelaki pihak yang bertanggungjawab bagi tujuan pendakwaan.

"Pasukan siasatan JAS

Negeri Melaka telah menjalankan persampelan dari bahan buangan tersebut yang akan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dalam masa terdekat bagi tujuan analisis dan penentuan ciri serta komposisi bahan buangan itu.

"Pada masa sama, pemantauan dron dan udara dilakukan dari masa ke semasa untuk memastikan keadaan selamat di lokasi kejadian," katanya.

Menurutnya, premis tersebut telah diarahkan untuk menjalankan pembersihan dan pelupusan buangan yang disyaki buangan terjadual setelah siasatan selesai dijalankan melalui Notis Arahan di bawah Seksyen 31(1)(g) & 37(1)(c) AKAS 1974.

"Kertas siasatan sedang disediakan bagi pelbagai kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu kesalahan menempatkan buangan terjadual tanpa kebenaran Ketua Penggarah Kualiti Alam Sekeliling, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum penjara mandatori dan denda sehingga RM500,000.00.

"Saya ingin memberi amaran keras kepada semua pihak terutamanya pengusaha industri supaya lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sisa toksik dan berbahaya ini dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

"JAS tidak akan berkompromi dengan penjenayah alam sekitar dan ingin ditegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan JAS akan terus diperhebatkan demi menjamin kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengalau-alukan orang awam untuk menjadi mata dan telinga JAS dengan melapor sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan\_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**RAKAMAN** dron menunjukkan lokasi haram tapak pembuangan sisa toksik di Tanjung Kling.



## Tanjung Kling ibarat bom jangka

"JANGAN sampai tragedi letupan yang pernah berlaku di Beirut sebelum ini terjadi di Tanjung Kling".

Itu kerisauan seorang penduduk Kampung Pengkalan Perigi Haniff Sulaiman, 57, mengenai pembongkaran tapak haram yang menempatkan beratus-ratus tong mengandungi sisa toksik dan bahan berbahaya di kawasan itu baru-baru ini.

Menurutnya, disebabkan penemuan tersebut, Tanjung Kling kini boleh diibaratkan seperti bom jangka yang menunggu masa untuk memusnahkan segala-galanya, sekiranya masalah itu tidak diselesaikan segera.

"Kita tengok apa yang berlaku di Beirut. Memang besar kesannya. Jadi, kita sebagai penduduk memang risau bila tahu kawasan ini menjadi tempat penyimpanan bahan kimia yang berbahaya.

"Sepanjang 32 tahun saya tinggal di

sini, inilah kali pertama kejadian seperti ini berlaku. Saya memang takut dan risau tambahan, lagi saya tinggal bersama keluarga dan di rumah ini ada pula ibu merdua yang sakit.

"Jadi saya minta pihak berwajib lakukanlah sesuatu dengan segera dan pada masa sama saya juga berharap pihak yang bertanggungjawab melakukan kesalahan ini diambil tindakan sewajarnya agar ia tidak berlaku lagi," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di rumahnya.

Hal sama turut diakui seorang lagi penduduk Naimah Abd Jalil, 57, yang tidak pernah menyengka bau kurang enak yang dihidu adiknya yang menetap di Putrajaya dan pulang ke kampung baru-baru ini sebenarnya mengandungi sisa toksik yang mengundang bahaya.

Menurutnya, selama ini dia me-

nyangka gudang lama yang terletak di hadapan rumahnya itu sudah tidak lagi beroperasi sehingga jentera bomba dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) datang ke lokasi kejadian, minggu lalu.

"Masa mula-mula ingat Bomba datang untuk buat latihan. Tetapi bila tengok JAS, polis pun ada, saya dah rasa lain. Bila polis beritahu ada bahan kimia memang terkejutlah sebab kita yang paling dekat dengan kawasan itu."

"Sebelum ini memang kawasan itu menjadi stor tempat simpan barang. Dulu pernah jadi stor simpan besi, lepas itu dengar kata tempat simpan barang syarikat minyak."

"Jadi, dah lama selepas itu saya ingat tempat itu sudah kosong, memang tak jangkalah bila tengok gambar ada beratus-ratus tong bahan berbahaya dalam tu," ujarnya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Kemajuan Kampung (JPKK) Pengkalan Perigi Azman Mamat yang ditemui di hadapan gudang berkenaan meminta proses pembersihan dan pemindahan tong-tong sisa toksik itu dapat disegerakan pihak berwajib.

Menurutnya, ramai penduduk mengadu kepada mereka mengenai kerisauan mereka sekiranya kawasan tempat itu dibiaran terlalu lama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang ini.

"Selama ini kami duduk di sini aman, tenang dan memang tak tahu apa-apa. Jadi, bila berlaku perkara seperti ini memang terperanjatlah."

"Saya harap pihak berkuasa dapat memberkas pelaku dengan segera dan melakukan pembersihan untuk keselesaan semua penduduk kampung di kawasan ini," katanya.

**Notis Arahan di bawah Seksyen 31(1)(g) & 37(1)(c) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**

### \*\*Seksyen 31(1)(g)

Seksyen 31. Kuasa mengkehendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

(1) Jika mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kendaraan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kendaraan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau daripada mana-mana pesawat udara, Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk kendaraan, kapal atau premis, atau pesawat udara itu, untuk :

g) Mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraikan, menghilangkan, membasmikan, membinasakan atau melupuskan pencemaran, dalam tempoh dan mengikut cara yang diisyaratkan dalam notis itu.

### \*\*Seksyen 37(1)(c)

Seksyen 37. Pemunya atau penduduk hendaklah memberi maklumat.

(1) Ketua Pengarah boleh melalui notis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kendaraan, kapal, premis atau pesawat udara untuk memberikan kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maklumat berhubungan dengan :

(c) apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dilepaskan atau berkemungkinan dilepaskan daripadanya.



**LOKASI** tapak haram yang menempatkan beratus-ratus tong sisa toksik dan bahan berbahaya.

# Tiada kompromi - KM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANJUNG TUAN - Tiada kompromi dan mereka yang bertanggungjawab terhadap isu sisa toksik akan dikenakan tindakan tegas.

Demikian pendirian dan amaran keras oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berhubung pembongkaran sisa toksik dan bahan berbahaya di sebuah tapak haram di Kampung Pengkalan Perigi, Tanjung Kling, baru-baru ini.

Beliau berkata, isu-isu membabitkan sisa toksik ini perlu dipandang serius memandangkan ia bukan sahaja boleh memusnahkan alam sekitar, bahkan turut mengundang bahaya kepada penduduk sekitar.

"Bagi saya sesiapa sahaja yang melanggari isu yang boleh menyebabkan pencemaran seperti sisa toksik ini, tindakan yang amat tegas

perlu diambil.

"Saya tidak akan sesekali berkompromi atau bertoleransi terhadap hal-hal yang melibatkan toksik dan bahan berbahaya kerana kita tahu ia memberi kesan yang besar kepada alam sekitar dan penduduk di kemudian hari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke kawasan tumpahan minyak di Pantai Cermin, Tanjung Tuan.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka Rosli Osman.

Terdahulu, Melaka Hari Ini melaporkan mengenai pembongkaran sebuah tapak haram yang mengandungi 900 ton dram, enam tangki intermediate bulk containers (IBC), tujuh ton tercemar dan lima buah tangki simpanan minyak yang disyaki mengandungi enapcemar minyak di Kampung Pengkalan



SULAIMAN

Perigi, Tanjung Kling.

Difahamkan, kerja-kerja tidak bertanggungjawab itu dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh sebuah syarikat minyak di negeri ini yang bertindak mengabaikan tatacara pelupusan sisa tersebut dengan betul.

JAS dalam kenyataan sebelum ini memaklumkan, pelaku berkenaan telah dikenal pasti dan kerja-kerja pembersihan dan pengosongan kawasan itu akan dilakukan dengan kadar segera.

## Siasatan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

! Kesalahan menempatkan buangan terjadual tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

! Jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum penjara mandatori dan denda sehingga RM500,000.00



## Ambil masa sebulan bersihkan sisa toksik Tanjung Kling - JAS

AYER KEROH - Proses pembersihan dan pengosongan tapak haram yang mengandungi tong sisa toksik dan bahan buangan terjadual di Kampung Pengkalan Perigi, Tanjung Kling dijangka mengambil masa sehingga sebulan untuk diselesaikan.

Penolong Pengarah JAS Melaka Asmahanie Ab. Manan berkata, hal itu berikut permohonan pemilik premis yang meminta proses pembersihan dan pelupusan sisa-sisa itu diberi lebih masa memandangkan ia membabitkan kos yang tinggi.

"Kita dah beri arahan kepada premis untuk bersihkannya dalam tempoh seminggu. Tetapi pihak premis meminta untuk memberi lanjutan masa kerana ia melibatkan kos yang besar.

"Untuk proses pelupusan, biasanya melibatkan kos yang besar. Kos sebenar (pembersihan dan pelupusan) bukan dalam bidang kuasa kita, tetapi kita tahu ia akan mengambil masa.

"Jadi, kita jangka dalam tempoh sebulan ini, ia akan dikosongkan atau dibersihkan oleh pihak yang bertanggungjawab melakukan kesalahan tersebut," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihak

JAS kini sudah mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab melakukan kesalahan berkenaan, namun tidak boleh mendahului butiran tersebut.

Isu berkenaan turut mendapat perhatian Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.

Beliau memberi amaran keras kepada kepada pihak industri, kontraktor dan premis yang mengendalikan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual agar tidak mengambil jalan mudah sehingga menjadikan alam sekitar dan penduduk sekitar.

"Amaran keras terhadap pihak industri, kontraktor dan premis yang mengendalikan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual supaya memastikan sisa toksik dan berbahaya diuruskan dengan betul dan mengikuti lunas undang-undang yang telah ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, kes di Tanjung Kling itu disasat dalam pelbagai kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu kesalahan menempatkan buangan terjadual tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara mandatori dan denda sehingga RM500,000.

**“Amaran keras kepada kepada pihak industri, kontraktor dan premis yang mengendalikan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual agar tidak mengambil jalan mudah sehingga menjadikan alam sekitar dan penduduk sekitar”**



LAWATAN ke tapak haram oleh JAS Melaka di Tanjung Kling, baru-baru ini.



WAKTU SOLAT					
	SLIMUH	STUBUK	ZOHOR	AZAR	MAGHREB
19 OKTOBER 2020	8.44 pm	8.55 pm	12.39 pm	4.15 pm	4.29 pm
20 OKTOBER 2020	8.44 pm	8.55 pm	12.38 pm	4.15 pm	4.29 pm
21 OKTOBER 2020	8.44 pm	8.55 pm	12.38 pm	4.15 pm	4.29 pm
22 OKTOBER 2020	8.45 pm	8.54 pm	12.38 pm	4.15 pm	4.28 pm
23 OKTOBER 2020	8.45 pm	8.54 pm	12.38 pm	4.14 pm	4.28 pm
24 OKTOBER 2020	8.45 pm	8.54 pm	12.38 pm	4.14 pm	4.28 pm
25 OKTOBER 2020	8.45 pm	8.54 pm	12.38 pm	4.14 pm	4.28 pm



MAT Kasim

**Saliawati Salberi**

AYER KEROH - Statistik indeks jenayah di Melaka bagi tempoh Januari hingga September menunjukkan penurunan sebanyak 29.1 peratus atau 522 kes berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk Wira Mat Kasim Karim berkata, kadar indeks jenayah di kontinjen Melaka yang direkodkan pada tahun ini sebanyak 1,273 berbanding 1,795 tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, selain tindakan pencegahan jenayah yang berkesan penu-

runan indeks jenayah juga turut dibantu dengan pengurusan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac lalu.

"Sepanjang tempoh ini penjenayah tidak mempunyai peluang untuk melakukan jenayah terutamanya apabila ada sekatan jalan raya dan ke atas individu, premis dan rondaan oleh polis.

"Dari segi statistik dalam tempoh ini kebanyakan kes di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) menurun se kali gus indeks jenayah kontinjen Melaka turut menurun iaitu membabitkan

samun berkawan tanpa senjata sebanyak 49.5 peratus, samun tanpa senjata api (28.6 peratus), mendangkan cedera (22.2 peratus) serta jenayah harta benda dengan 30.4 peratus," katanya.

Menurut beliau, walaupun kes jenayah lain di daerah merekodkan penurunan tetapi statistik kes rogol menunjukkan peningkatan yang sebanyak 152.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Mengikut statistik keseluruhan bagi Melaka pada tahun lalu antara Januari hingga September

jenayah kekerasan rogol hanya merekodkan 17 kes tetapi pada 2020 meningkat kepada 43 kes.

"Kes rogol bawah umur merekodkan kira-kira 60 peratus dan apa yang dikatakan bawah umur adalah kes membabitkan remaja lelaki atau perempuan berusia 16 tahun ke bawah walaupun ada ianya berlaku suka sama suka (kerelaan) tetap dianggap bawah umur," katanya.

Jelas Mat Kasim, walaupun pihaknya berdipan dengan sedikit cabaran dalam berhadapan dengan jenayah perjudian judi dalam

talian membabitkan penggunaan teknologi bagaimanapun ia berada dalam keadaan terkawal hasil kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Mengulas lanjut, beliau berkata, statistik jenayah komersial dari Januari hingga 15 September 2020 menunjukkan peningkatan dengan merekodkan 852 kes membabitkan nilai kerugian RM23.4 juta berbanding 636 kes dengan nilai kerugian RM18.5 juta tahun sebelumnya.

"Pecahan paling banyak membabitkan kes tipu iaitu scammer dengan 816

kes dan nilai kerugian RM22.6 juta berbanding 636 kes dengan kerugian RM15 juta pada 2019.

"Penjenayah dilihat menggunakan kaedah untuk mempengaruhi mangsa atau individu mempunyai wang yang banyak seperti pesara atau ibu tunggal dengan lakonan mengatakan mereka terbabit dengan aktiviti tertentu seperti wang tidak selamat atau terbabit dengan jenayah," katanya.

Tambah Mat Kasim, beliau ingin menyeru kepada semua agar lebih berhati-hati dan perlu ingat pihak polis tidak sesekali memberi arahan atau melakukau tindakan melalui panggilan telefon semuanya termasuk merakam percakapan dilakukan di balai polis tiada transaksi di telefon atau bank.

"Sekiranya masyarakat meragui tentang sesuatu perkara, dinasihatkan agar tidak panik malah boleh berhubung dengan polis untuk mendapatkan fakta sebenar.

"Selagi transaksi tidak berlaku wang anda selamat sekiranya sudah berpindah milik ke akaun lain sukar untuk polis melakukan siasatan memandangkan mereka menggunakan akaun palsu serta lokasinya sukar dikesan," katanya.

# Indeks jenayah Melaka turun

|| Sepanjang tempoh (PKP) ini penjenayah tidak mempunyai peluang untuk melakukan jenayah. ||

Eksklusif



SEKATAN jalan raya yang diadakan PDRM merupakan antara faktor kurangnya aktiviti jenayah di Melaka. (Gambar Fail)



PDRM sentiasa bersiap-siaga membanteras sebarang aktiviti jenayah pada setiap masa. (Gambar Sumber Facebook Polis Melaka)

# Ibu bapa, masyarakat bersama polis cegah lumba haram

Saliawati Salberi

TANGGUNGJAWAB mengekang aktiviti lumba haram dalam kalangan ‘mat rempit’ bukan sahaja perlu dijalankan pihak polis malah masyarakat setempat dan ibu bapa sendiri perlu memainkan peranan.

Datuk Wira Mat Kasim Karim berkata, selain melakukan operasi pihaknya juga turut mengumpulkan penunggang motosikal yang di-tahan untuk diberikan ingatan dan kesedaran sebagai pendekatan mengekang aktiviti lumba haram daripada berterusan.

Beliau berkata, hampir setiap tahun jumlah saman membabitkan kesalahan trafik yang direkodkan meningkat dan untuk tahun ini sehingga 31 Ogos kira-kira 30,000 saman dikeluarkan dengan peningkatan 27 peratus berbanding tempoh

**// Tindakan sahaja tidak mencukupi dari pihak polis, kami menyeru ibu bapa jangan sewenang-wenangnya membenarkan anak-anak membawa kendaraan kerana banyak kes kenderaan ayah atau abang dipakai untuk merempit. //**

sama tahun lalu.

“Polis Melaka di bawah Jabatan Siasatan dan Pengawalaan Trafik kerap mengadakan operasi setiap malam minggu, budak-budak suka merempit dan kita buat sekatan dengan mengambil tindakan.

“Tujuan pihak polis bukan sengaja untuk mengambil tindakan tetapi lebih kepada pencegahan sebab itu kita ada beberapa pendekatan dengan mengadakan operasi dan anak muda yang di-

tahan dibawa ke balai untuk diberi ingatan dan nasihat.

“Ini supaya mereka sedar perbuatan itu bukan sahaja boleh menyebabkan diri sendiri kehilangan nyawa tetapi juga pengguna jalan raya yang lain,” katanya.

Menurut beliau, sekiranya anak-anak ini yang tiada lesen memandu ditahan, ibu bapa atau penjaga akan turut diambil tindakan kerana membenarkan mereka menggunakan kendaraan.

“Tindakan sahaja tidak



ANTARA motosikal yang disita dalam Ops Samseng Jalanan yang diadakan pada awal bulan ini.

mencukupi dari pihak polis, kami menyeru ibu bapa jangan sewenang-wenangnya membenarkan anak-anak membawa kendaraan kerana banyak kes kenderaan ayah atau abang dipakai untuk merempit.

“Jadi itu kami tekankan dan berharap agar masyarakat setempat yang ada maklumat terdapat aktiviti

merempit atau budak-budak menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar dapat berhubung dengan pihak polis,” katanya.

Mengulas lanjut, Mat Kasim berkata, walaupun secara keseluruhan statistik kemalangan maut di Melaka menunjukkan penurunan sebanyak 54 kes namun ia masih tinggi kerana

membabitkan kemalangan jiwa (kematian).

“Kebanyakan kes kemalangan melibatkan motosikal, pihak polis selalu ingatkan agar mereka ini sentiasa berwaspada selain turut diingatkan kepada ‘runner’ penghantar makanan dalam talian untuk tidak mengambil risiko dengan mengejar masa,” katanya.

## KOMUNITI

### Inisiatif kepolisan komuniti diperhebat

KESIAPSIAGAAN pasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dalam berhadapan dengan segala suasana keselamatan berjaya memastikan negeri ini berada dalam keadaan harmoni dan selamat bukan sahaja untuk diduduki malah dikunjungi.

Datuk Wira Mat Kasim Karim berkata, walaupun pada satu ketika Melaka berdepan dengan kemelut politik apabila berlaku pertukaran kerajaan namun ianya tidak menjelaskan soal keselamatan dan keharmonian penduduk.

“Melaka negerinya tidak besar dan hanya mempunyai tiga daerah sahaja iaitu Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah dan pastinya suasana keselamatan berada dalam keadaan terkawal dan selamat, malah dari segi kadar jenayah juga boleh dikatakan Melaka berada di kedudukan terbaik berbanding negeri lain.

“Ini termasuk dari segi politik, seperti yang kita tahu apabila pertukaran kerajaan sedikit sebanyak ada penglibatan keselamatan dalam urus tadbir negeri dan pihak polis sentiasa berwaspada mengawal keadaan atau suasana tidak dingini berada dalam lingkungan kawalan kita (polis),” katanya.

Menurut beliau, beberapa inisiatif diambil pihaknya melalui kepolisan komuniti dalam memastikan keselamatan dan kesejahtera-



PDRM menerusi Skuad Taming Sari beramah mesra dengan pengusaha beca di sekitar bangunan merah di Banda Hilir, baru-baru ini.

an penduduk seperti Skuad Aman Wanita (AMANITA), aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP), Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS), Pegawai Perhubungan Masjid (PPM) serta Skuad Taming Sari dan Ops Payung.

“Pencegahan jenayah ini perlu dilihat dari semua aspek dan pendekatan yang kita ambil melalui AMANITA adalah mereka ini akan ke kawasan perumahan dan ber-

jumpa suri rumah sekaligus membantu menjadi mata telinga polis manakala aplikasi VSP pula memudahkan masyarakat menyampaikan maklumat bagaimanapun di Melaka hanya 40,000 penduduk atau hanya empat peratus yang mendaftar daripada 900,000 jumlah keseluruhan penduduk.

“Bagi PPS mereka bertanggungjawab dalam hal membabitkan pelajar di sekolah dan PPM

pula hal membabitkan komuniti setempat dalam membanteras jenayah,” katanya.

Mengulas lanjut, Mat Kasim berkata, pihaknya juga menujuhkan Skuad Taming Sari dan Ops Payung yang ditempatkan di kawasan tumpuan pelancong bukan sahaja untuk menjaga keselamatan pengunjung serta pelancong malah memudahkan mereka mendapatkan maklumat berkaitan se-

suatu perkara serta memastikan aliran trafik berjalan lancar.

“Memandangkan Melaka adalah negeri tumpuan pelancong dan sektor pelancongan penyumbang utama kepada ekonomi negeri, menjadi tanggungjawab pihak polis memastikan keselamatan pengunjung terjamin selain mereka teruja untuk datang ke sini.

“Pesanan saya buat mereka yang bercadang untuk ke Melaka, sila datang ke sini kerana polis sentiasa memberikan kerjasama selain ada untuk mengawasi dan memberi kawalan terutamanya membabitkan keselamatan pelancong malah polis juga sentiasa memantau perjalanan trafik bagi melancarkan perjalanan anda,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai penugasan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula Mac, beliau berkata, seramai 214 anggota polis termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM) ditugaskan secara harian dalam melakukan penugasan sekitar jalan raya (SJR), pemeriksaan individu, premis dan sebagainya.

“Dalam tempoh itu sebanyak 1,276 tangkapan dibuat dan sejumlah 989 saman dikeluarkan kepada mereka yang didapati melanggar perintah PKP,” katanya.

# 241 individu terima pingat, darjah kebesaran

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Seramai 241 penerima hadir bagi sesi kedua Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam di Seri Negeri, pada 11 Oktober lepas.

Ia dimulakan dengan anugerah Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) kepada dua penerima membawa gelaran Datuk Seri yang diterima Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan Pengarah Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Datuk Seri Mohamed Farid Abu Hasan.

Diikuti enam penerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira antaranya Pengarah Cawangan Khas Melaka ACP Datuk Wira Dr. Wan Ariffin Wan Ahmad serta pakar motivasi terkenal, Datuk Wira Azizan Osman.

Seramai lapan individu menerima Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk antaranya Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Dr Syed Omar Sharifuddin

Syed Ikhsan, Penasihat Agama kepada Ketua Menteri merangkap Pesuruhjaya PAS Melaka, Datuk Kamarudin Sedik dan Pengarah Kesihatan Melaka Datuk Dr. Ismail Ali.

Sementara itu, seramai 41 individu menerima Darjah Pangkuhan Seri Melaka (DPSM) yang turut membawa gelaran Datuk antaranya Pengarah Pembangunan Negeri Melaka, Datuk Muhammad Azhar Saleh, Ketua Jabatan Pengurusan PDRM SAC Datuk Shaharon Anuar Abdul Latif dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman.

Pada majlis sama, seramai 13 individu menerima Darjah Seri Melaka (DSM) antaranya Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar, manakala seramai 22 individu menerima Bintang Cemerlang Melaka (BCM), termasuk Setiausaha Akhbar kepada Ketua Menteri Melaka, Nasharuddin Muhammad.

Bagi Bintang Khidmat Terpuji (BKT) pula dikurniakan kepada 51 penerima, Pingat Jasa Kebaktian (PJK) 57, Pingat Bakti Masyarakat (PBM) 36 dan Pingat Khidmat Lama (PKL) 2.



JENERAL Tan Sri Affendi Buang ketika menerima pingat DGSM daripada Mohd Ali pada sesi kedua Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka di Seri Negeri pada 11 Oktober lepas.



SETIAUSAHA Akhbar kepada Ketua Menteri Melaka, Nasharuddin Muhammad...BCM



PENASIHAT Agama kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Kamarudin Sedik...DMSM

## “Elak ditembak di kepala, peluru terkena tengkuk”

ALOR GAJAH - “Masih segar di ingatan ketika saya ditembak komunis dengan jarak beberapa kaki saja, namun mujurlah saya sempat mengelak menyebabkan peluru terkena telinga kiri dan tengkuk saya,” kata Jantan Baba, 93.

Bekas Pegawai Waran II Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) anak kelahiran Kampung Melaka Pindah itu berkata demikian menceritakan detik hampir meragut nyawanya ketika mengetuai operasi menentang komunis pada 8 April 1951 di Kongkoi, Kenaboi, Negeri Sembilan.

Menceritakan detik kejadian, Prebet Jantan berkata, waktu itu dia dipilih Mejar Ibrahim Alla Ditta menyertai kumpulan dari Platon No. 7 di Titi Kuala Kelawang yang dipimpin Leftenan Muda Philcox dan dibantu Sarjan Mohd Yasin Tamim.

Peristiwa diugut seorang komunis yang tiba-tiba berdiri di hadapannya dan

mengugut untuk menembak namun dia tetap berdiri tegak sebelum kedua-dua mereka melepaskan tembakan, tetap segar di ingatannya.

“Mujurlah saya sempat bergerak sedikit menyebabkan pelurunya tersasar mengenai telinga dan belakang leher manakala peluru saya tepat mengenai dahinya,”

“Mujurlah saya sempat bergerak sedikit menyebabkan pelurunya tersasar mengenai telinga dan belakang leher manakala peluru saya tepat mengenai dahinya”

Pingat Kebesaran Negeri Melaka di Balai Istiadat Seri Negeri pada 11 Oktober lepas.



BEKAS Pegawai Waran II Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Jantan Baba menerima pingat BCM dari Mohd Ali.

# Setinggi - tinggi *Tahniah!*



*di ucapkan kepada*

**YBhg. Datuk Shadan Bin Hj. Othman**

*Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya  
di atas penganugerahan*

**Darjah Pangkuhan Seri Melaka ( D.P.S.M )**

*Sempena Sambutan Hari Jadi Ke - 71*

**Tuan Yang Terutama**

**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

*Yang di-Pertua Negeri Melaka  
pada*

*9 Oktober 2020 Bersamaan 21 safar 1442H*

*Setulus Ikhlas daripada*



WILDLIFE CONCEPTS  
CONSULTANCY SDN BHD

WONG TACK FOO (JAMES WONG)  
CHARANJIT SINGH (JEET)  
MOHAMMAD REEZA BIN ITNIIN



WE GROW GLOBAL

DATO' MUSTAFFA BIN SHARIFF  
DATIN PADUKA HALIMAH BINTI ABDULLAH  
TERENCE HO  
YONG LAM WOEI  
TEH EU JIN

Pengembara tiba dari Sabah

# Wajib kuarantin 14 hari

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Melaka mewajibkan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) atau kuarantin kendiri kepada semua individu baru tiba dari Sabah sebelum 11 Oktober 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, perkara itu diputuskan menerusi Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Khas COVID-19 Peringkat Negeri Melaka Bil.13/2020 bertarikh 12 Oktober 2020.

Menurutnya, perintah kuarantin itu tetap diwajibkan meskipun ujian saringan awal individu tiba dari Sabah disahkan negatif COVID-19.

"Jika terdapat kes positif COVID-19 (melibatkan go-

longan ini) pesakit akan terus diasingkan dan dimasukkan ke Hospital Melaka untuk rawatan segera.

"Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan mengesan dan menghubungi kontak rapat untuk pengambilan ujian saringan COVID-19," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Rahmad memaklumkan kontak rapat bagi individu yang positif COVID-19 merangkumi individu yang berhubung secara langsung, individu tinggal serumah, menaiki kenderaan bersama atau bekerja bersama pesakit.

Justeru, beliau meminta masyarakat agar tidak menyimpan atau merahsiakan sebarang maklumat penting seperti sebarang kontak dengan kes-kes positif COVID-19 atau

maklumat yang berkenaan daripada pihak berkuasa.

"Orang ramai sewajarnya tampil ke hadapan sekiranya berisiko tinggi atau mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19.

"Pihak kerajaan negeri khususnya amat komited dalam memperkuuhkan sistem kesihatan dan memastikan wabak COVID-19 ini dapat dikawal bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

"Saya juga ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), saranan serta nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung penularan COVID-19 di Malaysia," katanya.

Beliau turut memohon orang ramai agar merujuk ke-

pada kenyataan rasmi oleh KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bagi mendapatkan maklumat sahih mengenai kes COVID-19 di negeri ini.



MELAKA mewajibkan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) atau kuarantin kendiri kepada semua individu baru tiba dari Sabah sebelum 11 Oktober 2020. (Gambar Hiasan).

Saya juga ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), saranan serta nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung penularan COVID-19 di Malaysia. //

## Peniaga harap jualan tidak terjejas

**Saliawati Salberi**

AYER KEROH - "Walaupun ada masanya rasa malas untuk buka kedai bermula tetapi saya dan suami gagahkan jua kerana punca pendapatan kami bergantung kepada hasil jualan."

"Selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lepas saya tengah mengumpul kembali modal yang rugi akibat barang niaga terpaksa dibuang kerana rosak selepas lebih tiga bulan tidak boleh bermula," kata peniaga Rosnina Halim.

Menurutnya yang bermula produk makanan dan kraftangan Melaka itu, pengumuman yang dibuat kerajaan membabitkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 14 hingga 27 Oktober, secara tidak langsung akan mempengaruhi kedatangan pelancong ke negeri ini.

Katanya, berbanding sebelum ini kedatangan pelancong ke Melaka tidak seramai dahulu meny-

babkan dia tidak berani untuk menanggung risiko dengan menambah stok yang banyak di gerai jualannya.

"Walaupun kebanyakan pelancong yang datang ke sini dari tiga kawasan yang terbabit dengan PKPB diharap tidak memberi im-

pak yang begitu besar dan akan ada pelancong dari negeri lain yang datang ke Melaka.

"Sekarang ini bermula untuk

dapat RM100 agak susah, namun saya dan suami tetap bermula seperti biasa kerana apa yang penting dapat menjelaskan sewa kedai," katanya.

Sementara itu, bagi penjual kuih cakoi Muhamad Raihan Md Rahim pula berkata, kemerosotan kedatangan pelancong ke Melaka secara tidak langsung menjadikan perniagaannya memandangkan gerainya itu sering menjadi tumpuan 'orang luar'.

Menurutnya, trend kemerosotan itu sudah dilihatnya selepas angka membabitkan kes COVID-19 kembali naik dan dengan pelaksanaan PKPB yang diumumkan juga dijangkakan pelancong akan terus berkurang.

"Jika sebelum ini kami akan membuat buncuan cakoi sebanyak 24 kilogram sehari, tetapi kini hanya 12 kilogram dan diharap ianya tidak berkurang lagi.

"Disebabkan itu kami terpaksa memperbanyak lagi pemasaran dalam usaha untuk menarik pelanggan tempatan juga selain turut menyediakan perkhidmatan penghantaran," katanya.



ROSNINA (baju coklat) melayan pelanggan yang ke gerainya.

## MELAKA HARI INI

**Pengarang Kanan**  
**MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID**  
mrizanizam@gmail.com

**LIANA SAHABUDIN**  
lilyann90@melakahariini.my

**MOHD FAIZ ABU HASAN**  
faizhasan@melakahariini.my

**REKABENTUK & GRAFIK** Ketua  
HANALIZA JUMINGAN  
jotshoot@melakahariini.my

**Pengarang**  
**MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA**  
yondaim87@melakahariini.my

**NURSALIA SALBERI**  
nur\_salberi@melakahariini.my

**FARAH SUHAIDAH OTHMAN**  
farahothman@melakahariini.my

**AMBRAN MOHAMED**  
ambran@melakahariini.my

**ZUL RAHIMI RAMLI**  
mk7.zul@melakahariini.my

**Penolong Pengarang**  
**AHMAD FUAD RAMDAN**  
fuadramdan@melakahariini.my

**MOHD FAZRUL ABDUL MAJID**  
fazrul@melakahariini.my

**Jurufoto Kanan**  
**AZREN JAMALUDIN**  
m.azren86@gmail.com

**MIMIE AZURA ABU BAKAR**  
mimieazura1981@melakahariini.my

**MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN**  
aizat.syamil65@melakahariini.my

### PEMASARAN

**Pengurus**  
**MUHAMMAD HAMZI ROSMANI**  
amz@melakahariini.my  
018 - 329 9936

**Esekutif**  
**IZAIDA RAIHANAH IDRIS**  
izraihanah363@gmail.com

**Ketua**  
**ASHALIA YUSOF**  
ashaliayusof@melakahariini.my

**Wartawan Penyiaran**

**MOHAMAD FARIS HAikal**

farishhaikal.zakaria@melakahariini.my

**Jurukamera**

**ISMAIL IBRAHIM**

dakmail92@melakahariini.my

**SITI NAJIHA ABDULLAH**  
eihanajihah0@melakahariini.my

**SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR**  
khalidah@melakahariini.my

**Penyunting Video**  
**RABIAH OSMAN**  
osmanrabiah@melakahariini.my

**AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI**

aufazzati98@melakahariini.my

**AMIRUL RAMLI**

amirulramli1990@melakahariini.my

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315

FAX : 06 - 251 9316

EDISI 19 OKTOBER 2020 -25 OKTOBER 2020

Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barang siapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barang siapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat itu. Dan kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

Surah Ali Imran Ayat 145

## Hikmah di sebalik pandemik Covid-19

**Erwin Abu Hasan**  
 erwin@maim.gov.my

PADA ketika ini, seluruh dunia sedang diuji dengan penularan pandemik Covid-19 dan sejak itu, dilihat banyak pihak terkesan akibatnya dalam menempui kehidupan sehari-hari.

Di Malaysia khususnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mahupun Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mengubah sedikit sebanyak cara kehidupan kebanyakan rakyat.

Hal ini kerana pergerakan setiap orang terbatas, tidak seperti kebiasaan malah orang ramai juga tidak dibenarkan bebas bergerak dari satu tempat ke tempat lain atau keluar bekerja atau bersosial di tempat awam atau lain-lain.

Langkah yang diputuskan kerajaan ini bertujuan menghentikan secara berperingkat penularan pandemik Covid-19 sehingga bertemuannya vaksin yang bersesuaian.

Justeru, tidak mustahil jika ada segelintir yang bersikap negatif umumnya tidak reda dengan takdir disebabkan kesukaran yang perlu dilalui ketika ini.

Allah SWT berfirman: "(aitu) Orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka." (*Surah Ali Imran, ayat 191*).

Menurut Imam Tabari dalam tafsirnya bahawa perkataan 'haza' (ini) dalam ayat terbabit merujuk apa saja ciptaan Allah di langit dan bumi adalah bukan sesuatu yang sia-sia.

Justeru, refleksi daripada ayat terbabit adalah bahawa setiap orang tidak perlu sedih dan terbeban ketika mengharungi kesukaran saat wabak ini.

Sebaliknya, mereka wajib menyakininya sebagai satu ujian dan di situ pasti terdapat seribu satu hikmah yang dikurniakan Yang Maha Kaya. Antara hikmah di sebalik wabak ini ialah terbukanya pintu bagi orang ramai untuk melakukan amal kebaikan.

Terzahirnya di mana semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang yang tidak putus membantu dalam menyumbang tenaga mahupun harta mereka demi kesejahteraan orang lain.

raan orang lain.

Ada yang mengorbankan masa dan tenaga siang malam di kala orang lain beristirahat di rumah seperti petugas di baris hadapan dalam kalangan doktor, jururawat, polis dan tentera.

Ada sebahagian yang sukarela menghulurkan bantuan bekalan makanan untuk mereka yang dalam kesusahan seperti orang gelandangan, ibu tunggal dan orang yang hilang pendapatan harian.

Sehingga di saat apabila keperluan peralatan perlindungan diri (PPE) yang begitu tinggi dalam kalangan petugas hospital, maka muncul dari pelbagai pihak termasuk dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) mahupun individu yang bersegera menyumbang idea dan tenaga untuk menyediakannya.

Malah, ada juga individu dermawan turut mengambil berat hal ehwal masyarakat di sekeliling mereka tidak kira sama ada di kampung mahupun bandar.

Ini salah satu amal atau sedekah jariah yang besar ganjarannya di sisi syarak. Di sebalik hikmah orang lain berada dalam kesulitan, maka ada



yang tampil memenuhi hajat saudaranya di mana ia sangat dituntut agama, lebih-lebih lagi ketika ini umat Islam berada di dalam bulan Ramadan.

Nabi SAW dikatakan orang yang paling dermawan ketika berada di bulan ini. Selain itu, Allah berfirman mengenai kurniaan-Nya yang digandakan terhadap dermawan: "Sesung-

guh nya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyanya) dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia" (*al-Hadid: 18*).

**11 PERKHIDMATAN BAITULMAL MAIM**

- Permohonan Pengalihan Kubur Islam Lama
- Kiraan & Agihan Fidyah
- Khadmat Nasihat Pengurusan Pusaka
- Tabung Amal Jariah Negeri Melaka (TAJM)
- Kebenaran/Lanjutan Pungutan Khairat
- Penebusan/Pembelian Bahagian Baitulmal
- Sewaan Hartanah Baitulmal
- Harta/Wang Tidak Patuh Syariah
- Penandaan Arah Kiblat
- Kiraan & Agihan Kaffarah
- Serahan Harta Luqayah (Barang Tercier)

**SILAHKAN KUNJUNGI**

**Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka,  
Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka  
(06-283 7416 / 06-284 9809)**

**"Baitulmal Diperkasa,  
Ummah Sejahtera"**

KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali mendengar penerangan yang disampaikan berkaitan fungsi dan peranan peralatan aeroangkasa yang terdapat di Galeri Interaktif Planetarium Al-Khawarizmi. Beliau turut merasmikan galeri berkenaan yang terletak di Kompleks Falak Al-Khawarizmi (KFAK), Tanjung Bidara yang turut menyediakan aktiviti penyelidikan, pendidikan dan penentuan ibadah umat Islam di negeri ini. Turut hadir Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud dan Mufti Negeri, Datuk Wira Haji Abdul Tawil.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud dan Pengarah JAIM, Datuk Md Azhan Samat hadir pada Program Pembuangan Abu Al-Quran Ke Laut bertempat di Pelabuhan Tanjung Beruas baru-baru ini.

SEMUA MUSLIMIN &  
MUSLIMAT DIJEMPUT HADIR



# PROGRAM DAKWAH

PERINGKAT PARLIMEN ALOR GAJAH  
TAHUN 1442H/2020M

22 OKT 2020, KHAMIS

SELEPAS MAGHRIB

MASJID AS-SYAKIRIN GADEK,  
ALOR GAJAH, MELAKA



Penceramah :  
**ALFADHIL DATUK DR HJ ZAHAZAN BIN MOHAMAD**  
Personaliti Dakwah/Pengaroh Urusan  
Telaga Biru Sdn Bhd

Tajuk :  
**"Kepimpinan Rasulullah SAW  
Gebaga Pemimpin Negara"**



Dirasmikan :  
**YB DATUK SERI  
MOHD REDZUAN YUSOF**  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)  
merangkap Ahli Parlimen Alor Gajah

# Pandemik COVID-19 – pembayaran online, tiada akad sah ke bayar zakat?



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

kat secara atas talian (online) bagi mengekang penularan pandemik covid-19. Demi memudahkan masyarakat Islam untuk menuaikan ibadah zakat, ZM telah menyediakan pelbagai kemudahan dan inisiatif pembayaran zakat secara atas talian (online). Antaranya, menggunakan perkhidmatan perbankan internet, perkhidmatan e-bayar Kerajaan Negeri Melaka, jom PAY dan pembayaran zakat melalui laman sesawang ZM.

Aplikasi pembayaran zakat secara atas talian (online) ini sama ada pembayaran zakat harta atau fitrah adalah bertujuan bagi mengelakkan seseorang itu bertangguh dan terlupa untuk menuaikan kewajipan berzakat. Selain itu juga, ianya memudahkan seseorang itu untuk menuaikan ibadah zakat, dimana mereka yang terkandas atau berada di luar negara dapat melaksanakannya tanpa halangan apabila berlakunya situasi yang amat membimbangkan iaitu penularan pandemik covid-19.

Akan tetapi, ada segelintir masyarakat yang merungut dan mempertikaikan tentang isu pembayaran zakat secara atas talian (online). Ini adalah kerana pendapat mereka mengatakan bahawa tiada akad berlaku ketika menuaikan zakat. Maka mereka merasakan ketidak sempurnaan pembayaran zakat. Pelbagai keleluhan dan rasa ketidakpuasan hati di kalangan orang ramai:

*"Tak mahu lah aku bayar zakat secara online ni tak ada akad..."  
"Tak ada feel aku nak bayar zakat kalau tak ada akad ni..."  
"Bukan ke akad bayar zakat ini wajib?..."  
"Bayar zakat secara online ini tiada akad.. sah ke?..."  
"Boleh ke bayar online, macam tak yakin je nak bayar sebab tiada ber-salamah"*

Persoalan diatas jelas menunjukkan bahawa isu ijab dan qabul adalah perkara yang sangat diperkatakan oleh masyarakat pada masa kini. Maksud ijab dan qabul adalah suatu perbuatan untuk menunjukkan suatu keredaan dalam berakad di antara dua orang atau lebih. Berdasarkan pengertian diatas, dapat difahami bahawa yang dimaksudkan dengan ijab dan qabul adalah sesuatu yang sengaja dilakukan oleh kedua-dua belah pihak berdasarkan persetujuan masing-masing dan menunjukkan kehendak kedua-dua belah pihak. Ibadah zakat seseorang sah di sisi syariat apabila berlakunya dua perkara iaitu niat menuaikan zakat dan pemindahan harta atau wang zakat tersebut.

Justeru itu, apabila seseorang menuaikan

## 8 CIRI-CIRI INSAN YANG BERTAWADUK



1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) [Facebook](#) [Zakat Melaka](#) [zakat melaka](#) [Zakat Melaka](#)

zakat menerusi medium pembayaran atas talian (online payment), niat sudah berlaku ketika itu dan pemindahan pegangan harta yakni wang itu juga sudah berlaku. Jadinya zakat yang dibayar telah mencukupi syarat-syarat SAH pembayaran zakat tersebut. Hukum berzakat dengan kaedah ini adalah HARUS dan digalakkan. Oleh itu, masyarakat Islam tidak perlu risau untuk menuaikan ibadah zakat secara atas talian (online). Hal ini kerana telah dinyatakan lafadz niat untuk dibaca seterusnya reda dengan pemindahan harta yakni wang tersebut disalurkan kepada pengurusan zakat.

Menurut Keputusan Jawatankuasa Fatwa yang bertarikh 9 Jun 2011 telah memutuskan, "Pembayaran zakat fitrah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah HARUS dengan syarat pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (Majlis) sebagai agen yang hanya akan membuat pungutan zakat fitrah melalui kaedah SMS di Negeri Melaka bagi suatu tempoh yang dibenarkan

oleh Majlis Agama Islam Melaka".

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor yang telah membuat keputusan bahawa hukum pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2U (INTERNET) adalah HARUS.

Oleh itu, Islam adalah agama yang bersifat menyeluruh iaitu menerima perubahan dari semasa ke semasa. Dengan kewujudan pelbagai teknologi dan inovasi, ianya banyak membantu kita melaksanakan ibadah dengan lebih mudah dan cepat. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 185:

Yang bermaksud: "... Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ianya tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran..."

Semoga apa yang kita tunaikan akan mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT, sekaligus melipat gandakan ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah SWT di dunia maupun di akhirat kelak. In Sha Allah.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442  
Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885)  
Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900)  
Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Ke Manakah  
Wakaf Anda?



Jam Berwakaf  
Wakaf Tunai Melaka



Bayaran  
Wakaf  
Serendah  
RM 2.00  
Sahaja

Pengambilan/Pembelian  
Lot Tanah Bagi Tujuan  
Keagamaan

Pembangunan  
Hartanah Wakaf

Pembaikan  
Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1  
MELALUI  
POTONGAN GAJI  
SCARA BULANAN

Kaedah bayaran #2  
Download  
APPS e-WALLET  
BOOST

Kaedah bayaran #3  
Bayar di Kaunter  
Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4  
MELALUI AKAUN BANK  
BANK ISLAM (MAIM)  
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my



SEBAHAGIAN peserta bergambar bersama seusai program Bengkel Tahsin Solat Saudara Muslim anjuran Bahagian Balai Islam MAIM bersama Bahagian Dakwah JAIM. Seramai 30 orang saudara muslim sekitar daerah Jasin hadir dan mempelajari panduan solat yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan.



MUFTI Negeri, Datuk Wira Haji Abdul Halim Tawil menyambut mesra delegasi dan pengurusan tertinggi Politeknik Kota Melaka (PKM) ketika mengadakan kunjung hormat ke Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMNM). Temu mesra memberi ruang dan peluang kedua-dua agensi mengeratkan kerjasama berkaitan program pelaksanaan bersama di masa akan datang.

JEMAAH masjid hadir pada Program Diskusi Dakwah di Masjid Ar-Rasyidin daerah Alor Gajah baru-baru ini. Program anjuran Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) itu disampaikan oleh pendakwah bebas, Abdul Rashid Muhd Akip yang mengutarakan berkaitan pencerahan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di negara ini.



## LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

Email | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlisagamaislammelaka)

Facebook | [facebook/maimmelaka](https://facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

# Bimbang pembatalan saat akhir

“ Kita sekarang berada dalam situasi yang sukar, jika ia berterusan (PKPB di kawasan lain), mungkin kita akan kembali kepada ‘trend’ pembuangan pekerja pada Mei ”  
- Sazali



SAZALI



terima, pelancong domestik yang paling ramai ke Melaka adalah dari Selangor diikuti Kuala Lumpur, Johor, Perak dan beberapa lagi negeri lain.

“Namun, susulan pengumuman PKPB di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, jumlah tempahan yang diterima amat tidak membangsang.

“Pada ketika ini (antara Isnin hingga Rabu) kami sepatutnya sudah menerima tempahan untuk hujung minggu, namun tiada dan dianggarkan sudah 40 peratus pembatalan bilik telah diterima,” katanya ketika dihubungi.

Jika PKPB terus diumumkan di negeri-negeri lain, pihaknya turut menjakkan pengecilan operasi yang membabitkan pembuangan pekerja secara berperingkat seperti yang berlaku pada Mei lalu.

“Kita sekarang berada dalam situasi yang sukar, jika

ia berterusan (PKPB di kawasan lain), mungkin kita akan kembali kepada ‘trend’ pada pembuangan pekerja Mei.

“Iaitu tiada lagi pengam-

bilan pekerja baharu, pembuangan pekerja, mungkin itu yang akan berlaku bila pendapatan dah tiada, sukar nak cakap,” katanya.

“Berdasarkan data di-



## PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT NEGERI MELAKA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Malaysia (LPPM/CIDB) dalam kelas dan gred perdaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berkaitan :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DI JUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI RUANG DALAMAN PEJABAT 2 TINGKAT SEDIADA DI ALAMAT NO:40,40-1,42,42-1,44,44-1, 46,46-1 & 48,48-1 JALAN BHD 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI, MELAKA	RM 50.00 (Tidak Akan Dikembalikan)	PERSADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA TINGKAT 8, WISMA AMANAH JALAN BBP 2, TAMAN BATU BERENDAM PUTRA, BATU BERENDAM, 75350 MELAKA	- Berdaftar Dengan PKK Bumiputera, - Berdaftar Dengan LPPM/CIDB Gred G2 Kategori : B, CE , ME	Rabu 21 Oktober 2020 (Rabu) jam 10.00 Pagi. Berkumpul di Pejabat 2 tingkat beralamat No 40, 42,44,46 & 48, Jalan BHD27, Taman Bulut Katil Damai Melaka. (Pejabat Vayasan Melaka yang lama) (LAWATAN Tapak adalah DINAWAKAN)	Selasa, 27 Oktober 2020 pada jam 12.00 tengahari. (Sebutharga yang lewat tidak akan diterima)

Naskah Meja Tawaran boleh disemak di Pejabat PERTAM, Tingkat 8, Wisma Amanah Jalan BBP 2, Taman Batu Berendam Putra, Batu Berendam, 75350 Melaka pada waktu pejabat bermula pada 21 Oktober 2020. Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai / Draft Bank atau Kiriman Pos diatas nama Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka atau PERTAM (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Dokumen Tawaran yang telah lengkap disi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berimeteri dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dengan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat

PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA  
TINGKAT 8, MENARA PERTAM (WISMA AMANAH), JALAN BBP 2,  
TAMAN BATU BERENDAM PUTRA, BATU BERENDAM, 75350 MELAKA  
TEL : 06-3372111 FAX : 06-3372020

## Jangan terpedaya kanta lekap kosmetik

Aflieza Arshad

AYER KEROH - “Orang ramai dinasihatkan tidak terpedaya dengan penggunaan kanta lekap kosmetik bagi tujuan kecantikan semata-mata.

Ketua Pegawai Eksekutif Eyecon Group Sdn. Bhd., Datuk Dr. Murphy Chan berkata, perkara itu sangat serius dan tidak boleh dipandang ringan.

Menurutnya, pengguna kanta lekap kosmetik perlu sedar bahawa kanta lekap tersebut boleh mendatangkan kemudarat.

“Kanta lekap tidak berkualiti dan tidak mengikut prosedur boleh menjadi punca mata seseorang itu rosak.

“Atas faktor ini, kami di Eyecon mahu mengingatkan mereka di luar sana supaya tidak terjebak dengan penggunaan kanta lekap kosmetik.

“Mereka sewajarnya datang ke kedai-kedai yang menyediakan perkhidmatan kanta lekap untuk mendapatkan produk terbaik,” katanya.

Beliau yang juga Naib Pengerusi Asia Optometric Congress menyifatkan, penggunaan kanta lekap kosmetik tidak memberi sebarang kebaikan.

“Tidak hanya kanta lekap, kaca mata juga seharusnya yang diiktiraf sahaja digunakan.

“Ada di antara pengguna-pengguna ini gemar ambil mudah dengan memilih kaca mata murah.

“Sebenarnya ini mempunyai risiko terhadap mata mereka,” katanya.

Murphy Chan juga tidak menggalakkan pembelian kaca mata dan kanta lekap menerusi atas talian.

“Jangan mudah percaya aplikasi atas talian, kita sendiri tidak tahu bagaimana kualiti produk yang sampai nanti.

“Saya nasihatkan jumpa pakar mata yang sebenar supaya anda tidak menyesal kemudian hari,” katanya.



MURPHY CHAN...Jangan ambil risiko penggunaan kanta lengkap bagi tujuan kosmetik tanpa pengawasan pakar dan doktor bautauliah.



Datuk Dr Sabri  
Mohamad Sharif

Di pantai sana tumbuh berembang,  
Tumpuan jelata mengail baung,  
Tun laksana payung berkembang,  
Tempat kita himpun bernaung.

Begitulah taat setia dan kasih sayang mendarlam yang dilafazkan melalui pantun, sebagaimana dimadahkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali, Ketua Menteri Melaka, kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Mohd Rustam, Yang Dipertua Negeri Melaka.

Seyogialah dirafakkan rasa syukur seraya mengangkat setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, sempena hari jadinya yang ke-71. Syahdan, kesudiannya untuk menyempurnakan istiadat penganugerahan darjah, tauliah, bintang dan pingat kebesaran Negeri Melaka, dikurniakan kepada mereka yang layak, banyak berjasa dan menyumbang kepada negeri serta negara.

Pasti sekali, seluruh rakyat Melaka menumpang bertuah dan bangga, tatkala dilantik Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia sebagai Yang Dipertua Negeri Melaka pada tanggal 5 Jun 2020 yang lalu.

Arakian, sejak itu, sekalian rakyat negeri, terasa bahagia dipayungi lalu mendoakan agar Tun Seri Setia dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira serta seisi keluarga, agar terus dikurniakan afiat dan maghfirah oleh Allah dalam memayungi bumi Melaka tercinta lagi bersejarah, demi kesejahteraan serta kemakmuran negeri juga daerah.

Sebagai tanda prihatin, dalam ucapan sempena Hari Jadinya yang ke-71 pada minggu lepas, Tun Seri Setia menasihati agar Kerajaan Negeri berusaha dengan lebih agresif lagi untuk menarik peluang-peluang pelaburan baharu, sama ada dari dalam maupun luar negera. Ini penting bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memberi manfaat kepada rakyat khususnya dalam peluang perkerjaan serta peningkatan pendapatan.

Tun Seri Setia juga telah mengucapkan tahniah atas usaha kerajaan, dalam menetapkan hala tuju negeri melalui kerangka besar MELAKA RUMAHKU, yang terkandung di dalamnya visi dan misi baharu Melaka, pemboleh daya dan slogan, yang dilingkari dengan akar tunjang demi mencapai kecemerlangan dunia serta ukhwawi. Ini termasuklah penyediaan dokumen besar hala tuju pembangunan Negeri Melaka yang inklusif, untuk tempoh 15 tahun mendatang sehingga 2035. Tun Seri Setia berpendapat bahawa, hala tuju pembangunan Negeri Melaka perlu diterima kerana ia mendokong aspirasi Sustainable Development Goal (SDG), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang selari dengan Dasar Persekutuan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama.

Tun Seri Setia menyambut baik langkah Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu koridor ekonomi baharu yang dinamakan sebagai Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) di kawasan tambak laut. Namun begitu, Tun Seri Setia mengingatkan supaya adanya keseim-



## Rakyat bahagia negeri dipayungi

bangun pembangunan bagi masyarakat di luar bandar yang tidak harus dipinggirkan.

Sebagai sebuah negeri pelancongan, Tun Seri Setia menyarankan agar Kerajaan negeri menggandakan usaha dalam mempergiat aktiviti pelancongan, menaiktaraf produk pelancongan, kemudahan awam dan tahap keselamatan serta kebersihan, bagi menarik minat khususnya para pelancong domestik, dalam menjadikan Melaka sebagai destinasi pilihan utama.

Selain itu, Tun Seri Setia menyeru agar rakyat Melaka membudayakan norma baharu dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan bagi membantu pihak berkuasa, khususnya 'frontliners' dalam mengekang penularan COVID-19 yang kini kesnya semakin meningkat semula.

Manakala, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Haji Md Ali pula telah menerima saranan Tun Seri Setia dengan begitu baik dan penuh hormat, lalu berikrar akan melipatgandakan usaha dalam memartabatkan Melaka menjadi negeri maju jaya, kehidupan rakyatnya sentosa, yang mampu menggamt dunia.

Beliau turut memaklumkan kepada Tun Seri Setia tentang lima perihal perkara terkini berhubung negeri Melaka iaitu prestasi ekonomi semasa, inisiatif pembangunan negeri, koridor baharu Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ), pelancongan dan hala tuju masa depan negeri dalam kerangka besar MELAKA RUMAHKU.

Sebenarnya Negeri Melaka telah mempunyai asas yang kukuh sejak dahulu lagi. Kerana itulah Ketua Menteri dalam ucapan taat setianya minggu lalu, secara spesifik telah menzahirkan terima kasih, memuji dan memberi penghargaan kepada para pimpinan Melaka terdahulu, khususnya di era kepemimpinan Tun Seri Setia menjadi Ketua Menteri Melaka.

Antara kejayaan besar yang telah dicapai pada ketika itu adalah, menerima pengiktirafan sebagai Bandaraya Warisan Dunia pada 7 Julai 2008 oleh World Heritage Committee (UNESCO) di Persidangan ke-32 di Quebec,

Canada. Tidak berhenti di situ, dua tahun kemudian, Melaka telah diisyithar sebagai "negeri maju" pada 20 Oktober 2010, yang diiktiraf oleh Organization for Economic Cooperation & Development (OECD).

Sebagai kesinambungan kepemimpinan cemerlang tersebut, bagi merancakkan lagi kemajuan berterusan negeri Melaka, kita menyambut baik ikhtiar yang bakal, sedang dan akan dilaksanakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka masa kini, melalui beberapa inisiatif terbaru seperti:

- Membangunkan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)
- Menubuhkan Daerah Penuh Masjid Tanah
- Stesen High Speed Rail (HSR) Melaka
- Pendigitalan dan Bandar Pintar
- Industri berteknologi tinggi
- Kuala Linggi International Port
- Pembinaan Infrastruktur Waste to Energy (WTE) di Sungai Udang

Pembangunan koridor baharu M-WEZ misalnya, bolehlah dianggap sebagai mercu tanda yang bakal menjadi game changer kepada ekonomi negeri Melaka, yang akan dibangunkan di kawasan tambak laut seluas 15,000 ekar sepanjang 22 Kilometer, dari Umbai ke Tanjung Bruas.

Berhubung tentang penularan pandemik COVID-19 yang mengancam industri pelancongan di negeri ini, kita berasa sedikit lega dengan beberapa tindakan pantas kerajaan Melaka dalam merancakkan industri pelancongan khususnya kepada pelancong domestik, selain meluaskan capaian promosi destinasi Melaka dengan berkonsepkan digital.

Antara langkah tersebut dengan mewujudkan tagline baharu iaitu 'melaka safe haven', "melaka is the place to be" dan kempen "dream now travel later (DNTL)" dengan menggunakan platform digital iaitu, "melaka excess". Ini bagi menggambarkan bahawa, secara realitinya, Melaka adalah sebuah negeri yang selamat (safe) dan bersih (hygiene) untuk

dikunjungi sebagai destinasi percutian pilihan.

Ditambah pula baru-baru ini, menurut laporan indeks Kebahagiaan, oleh MURNInets Kebangsaan, PLANMalaysia, KPKT telah merekodkan bahawa, dua bandar di negeri ini iaitu Bandar Melaka dan Jasin telah tersenarai dalam 10 Bandar Paling Bahagia di Malaysia bagi tahun 2019.

Malah, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, bukan sahaja sudah mencapai status Bandar Bahagia, bahkan telah memperoleh status Bandar Paling Mampan di Malaysia.

Terbaru lebih mengembirakan lagi, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) telah menerima pengiktirafan antara lima PBT terbaik di Malaysia dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal (SDG), pembangunan Bandaraya Melaka.

Kesimpulannya, setinggi-tinggi syabas kepada tahniah kepada Tun Seri Setia sempena hari jadinya yang ke-71. Seluruh rakyat Melaka memohon setinggi doa dan kesejahteraan, moga-moga Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Mohd Rustam, Yang Dipertua Negeri Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira Hajah Asmah Abdul Rahman serta seisi keluarga dikurniakan kemuliaan, keberkatan, keampunan dan kejayaan berterusan, dari pada Allah SWT. InsyaAllah!

Sebagai menzahirkan tanda kasih dan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, maka disimpulkan dalam sebuah pantun Melayu,

**Moleklah diturut resmi padi,  
Semakin tunduk semakin berisi,  
Semoga Tun Seri Setia sentiasa  
dirahmati, Rakyat bahagia negeri  
dipayungi.**

**Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada YAB Ketua Menteri Melaka.**



# BANGI MALAYSIA

7.7.2020 - 21.12.2020  
*[e-Census]*

20.1.2021 - 6.2.2021  
*(Bersemuka)*

[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



@MyCensus2020  
@StatsMalaysia

1800 88 7720



Setinggi - tinggi  
**Tahniah!**



*di ucapkan kepada*  
**YBhg. Datuk Shadan Bin Hj. Othman**  
*Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya*  
*di atas penganugerahan*  
**Darjah Pangkuhan Seri Melaka ( D.P.S.M )**  
*Sempena Sambutan Hari Jadi Ke - 71*  
**Tuan Yang Terutama**  
**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**  
*Yang di-Pertua Negeri Melaka*  
*pada*  
**9 Oktober 2020 Bersamaan 21 safar 1442H**  
*Setulus ikhlas daripada*



MEGA RGB MELAKA  
No. 13, Jalan DR 1, Taman Delima Raya,  
75150 Bukit Baru, Melaka.  
Tel : 06-2323000

## Sejarah Kesultanan Melayu Melaka

# Di mana hilangnya pelabuhan Melaka?

FAIZ HASAN

**KEUNIKAN** lokasi meliputi struktur bangunan bersejarah, pusat membeli belah sehingga pelabuhan hotel yang mencakar langit menumbuh di Banda Hilir terus-menerus menjadi tarikan.

Ramai yang datang berkunjung tidak menyedari bumi yang dipijak itu adalah pinggiran pantai menghadapi sebuah lautan yang menjadi lokasi perdagangan terhebat suatu ketika dahulu.

Pengurus Besar Institut Warisan Melaka (INSWA), Nurman Mohd Baroldin berkata, sebuah kota lama yang megah berdiri bersempadan laut itu menghadapi Selat Melaka dilindungi oleh jajaran tembok mengelilingi sekitar kota dengan ketinggian sekitar 10 kaki.

Sehingga kini masih lagi kekal kesan pembinaan tembok yang ditemui di pelbagai lokasi di kawasan mercu pelancongan utama negeri ini.

"Penemuan di sekitar Jalan Kota adalah salah satu lokasi pembinaan tembok itu dan terdapat jajaran sempadan tembok yang memisahkan antara daratan dan pesisiran pantai.

"Jajaran kesan tembok itu ditemui sehingga di sekitar lokasi Taman Bunga Merdeka yang juga sehingga kini masih terdapat tinggalan sejarah menandakan kawasan itu merupakan kawasan bibir laut.

Di dalam taman tersebut terdapat mercu dinamakan City Cross dimana terdapat batu yang diper-

takan merupakan jejak pertama mubaligh yang dihormati dikenali St. Xavier pada zaman penjajahan ketika itu.

"Mubaligh itu telah menjelaskan kakinya buat pertama kali sebaik tiba di negeri ini terus ke atas batu tersebut disebabkan bagi mengelak daripada memijak air.

"Kesemua muzium yang terdapat di sekitar jalan kota itu adalah menghadap kawasan laut dengan jajaran tembok sehingga berhubung dengan tugu Kota A'Famosa.

Menurut Nurman, jajaran pesisir pantai itu ditambah British di atas pembangunan secara berperingkat sekitar tahun 1920 hingga 1930-an.

"Tambakan awalnya hanya sekitar tapak Dataran Pahlawan hari ini dan kemudiannya diteruskan sehingga ke Kota Laksamana.

"Malah tambakan itu tidak terus menerus siap dan sebab itulah ada catatan mengatakan pada 1920-an dan ada juga mengatakan pada 1930-an (waktu tambakan siap), ia berperingkat," katanya.

Tambah Nurman, pelbagai lokasi tumpuan pelancongan yang tertumpu di kawasan itu juga berada dalam kawasan tambakan laut dan berkait rapat dengan salasisah dan legenda Melaka.

"Seperti sekitar Melaka Raya adalah di atas laut yang hari ini wujud setelah ditambah daripada pembangunan ketika itu.

"Melaka dahulu dikenali sebagai pusat perdagangan terkenal, namun malangnya kesan dagangan itu tidak dapat ditemukan kerana




**PERBEZAAN** bentuk muka bumi Bandar Melaka diambil di lokasi sama sebelum ditambah yang menjadi pusat tumpuan utama Melaka hari ini.

telah ditimbus.

"Pelbagai artifak khazanah yang terdapat sekitar pantai dan

sungai yang ditambah itu, namun telah dilitupi, jika ingin dibongkar agak sukar kerana memakan masa

dan bajet, malah Sungai Melaka ketika kerja menaik taraf dijalankan turut menemukan pelbagai pemecahan artifak seperti syiling dan serpihan tembikar," katanya.





**KETUA MENTERI DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD. ALI** ingin melihat akbar Melaka Hari Ini (MHI) berterusan menjadi medium berita penuh informasi dan suara kontemporari kepada rakyat Melaka.

Beliau meluahkan harapan itu menerusi hantaran di Facebook rasminya baru-baru ini.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Datuk Mohd Fauzi Yaakub; Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari serta barisan ahli lembaga pengarah MHI Sdn Bhd.

## BISNES

# Keringat si kudung

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**KEHILANGAN** tangan kiri dalam satu kemalangan jalan raya bukanlah petanda segala-galanya sudah berakhir buat seorang anak muda berusia 23 tahun, Muhammad Hafiq Hizwan Norizan.

Ia selepas anak kelahiran Klebang itu bangkit membuktikan orang kelainan upaya (OKU) masih mampu berdiri di atas kaki sendiri dengan menjalankan khidmat penghantaran (runner).

Dia hanya menjalankan perkhidmatan tersebut secara suka-suka untuk membantu saudaranya yang menjual makanan di atas atas talian, namun sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, dia memulakan khidmat Runner One Hand secara serius sehingga sekarang.

"Niat asal saya adalah untuk membantu keluarga. Kerana saya anak sulung dan ada empat lagi adik yang masih belajar dan bersekolah. Lagi pun hanya ayah saya seorang sahaja yang bekerja dan ibu menjadi suri rumah sepenuh masa."

"Sebagai seorang 'runner' biasalah rezeki sehari itu tak tentu. Kalau tiada pelanggan, memang tiada langsung. Tapi kalau ramai sampai jadi tak menang tangan."

"Bila waktu kemuncak, sehari saya boleh mendapat sehingga RM150. Itu pun dengan bekerja keras sikitlah dari pagi sampai ke malam," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerja kerasnya itu sering mendapat pujian di kalangan pelanggan yang bukan sahaja berpuas hati dengan perkhidmatan, bahkan turut memuji semangatnya menjalankan khidmat penghantaran menaiki motosikal dengan bergantung harap pada satu tangan sahaja.

### DETIK HITAM KETIKA BERKONVOI

Bercerita lanjut mengenai insiden yang mengubah hidupnya kini, Muhammad Hafiq berkata, segalanya berlaku tanpa diduga kira-kira lima tahun yang lalu.

Menurutnya, kejadian tersebut berlaku ketika berumur 18 tahun iaitu ketika mengikut konvoi motosikal sempena kemerdekaan bersama rakan-rakan di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Jelasnya, kejadian berlaku ketika hendak pulang ke Melaka apabila motosikal yang dinaiki terbabas hingga menyebabkan dia terbabas ke pembahagi jalan dan terkena tangan dan perutnya.

"Kejadian itu limpa saya pecah dan doktor juga memberitahu tangan saya mungkin tidak dapat diselamatkan. Selama dua bulan saya menunggu perkembangan tangan kiri saya itu dan

akhirnya, doktor memberi dua pilihan.

"Pilihan pertama ialah menjalankan proses menanam tangan dan yang kedua ialah untuk memotongnya. Selepas berfikir sedalam-dalamnya, saya sendiri membuat keputusan untuk tangan itu dipotong kerana saya melihat sudah tiada harapan."

"Lagi pun, lagi lama ia tidak diselesaikan selagi itulah saya perlu berada di hospital, sedangkan saya juga perlu memikirkan mengenai masa depan," katanya.

### SUKAR CARI PEKERJAAN

Muhammad Hafiq berkata, walaupun ada segelintir orang akan berasa 'down' selepas menjadi mengalami kecacatan, namun dia mempunyai semangat yang berbeza.

Ujarnya, dia lebih cepat redha dengan kejadian tersebut kerana turut mempunyai seorang rakan baik yang lumpuh di tangan dan sering memberi galakan.

"Saya memerlukan kira-kira setahun untuk membiasakan keadaan itu. Mula-mula mungkinlah ada rasa segan dan tidak selesa tetapi lama kelamaan semuanya menjadi biasa," katanya.

Bagaimanapun, dia mengakui kejadian itu menyebabkannya sukar untuk mencari pekerjaan disebabkan kekurangan itu.

"Selepas kejadian, saya diberhentikan kerja oleh tempat kerja lama saya. Sebelum kemalangan saya bekerja sebagai pekerja penghantaran.

"Dan apabila selepas kemalangan dan semakin pulih, saya cuba juga mencari kerja. Pada waktu itu bila kena 'reject' itu sudah jadi biasa. Saya sedar, saya hanyalah lulusan SPM dan mungkin ada yang melihatkan kekurangan saya itu sebagai suatu kelemahan."

"Adalah satu, dua tempat tidak terima orang seperti saya, tapi saya tetap teruskan hidup seperti biasa melakukan kerja-kerja kampung dan kemudian terjun ke bidang khidmat penghantaran sehingga sekarang," katanya.

### GIGIH KUMPUL DUIT UNTUK TANGAN PALSU

Selain membantu keluarga, pemuda yang mesra dipanggil Apit itu turut gigih bekerja dari jam 9 pagi hingga 8 malam untuk mengumpul duit bagi membeli tangan palsu.

Menurutnya, kos untuk tangan palsu itu terlalu tinggi iaitu dengan berharga anggaran RM8,000.

"Nak beli sendiri memang seram dengan harganya. Tapi saya cubalah perlahan-lahan kumpul duit bermula sekarang. Tapi jika ada individu yang bermurah hati untuk menderma tangan palsu kepada saya amatlah saya alu-alukan."

"Perlu faham, kalau kehilangan kaki, mungkin saya boleh dapat sumbangan Jabatan



Kos untuk tangan palsu itu terlalu tinggi iaitu dengan berharga anggaran RM8,000. Nak beli sendiri memang seram dengan harganya. Tapi saya cubalah perlahan-lahan kumpul duit bermula sekarang

- Muhammad Hafiq Hizwan Norizan, 23

**TIDAK** pernah menjadikan kekurangan sebagai penghalang untuk berjaya seperti insan lain.

**KHIDMAT** Runner One Hand kini menjadi semakin popular di Melaka.

# Zulkifilie dilantik Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa baharu UTeM

DURIAN TUNGGAL - Prof Dr. Zulkifilie Ibrahim dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) baharu.

Pelantikan beliau bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa 1 Oktober lalu sehingga 30 September 2023 menerusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Beliau menggantikan mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad yang memegang jawatan itu pada 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2019 sebelum bersara dari perkhidmatan awam.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, Zulkifilie sebelum ini memegang portfolio Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTeM pada 15 November 2018 dan menamatkan tugas itu pada 30 September lalu.

Katanya, Zulkifilie memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian pada tahun 1989 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik.

"Perjalanan akademik beliau diteruskan dengan jayanya apabila beliau berjaya memperolehi Ijazah Doktor Falsafah di Liverpool John Moores University, United Kingdom dalam bidang Power Electronics and Drives pada tahun 1999.

"Dalam konteks kerjaya beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang industri yang mana beliau



**ZULKIFILIE**

memulakan kerjaya sebagai Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan dan Piaianan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dari tahun 1991 sehingga 2006," katanya.

Menurut Raha, Zulkifilie memulakan kerjaya di UTeM pada 2007 sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) UTeM.

"Manakala pada tahun 2008 hingga 2009 beliau dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) seterusnya beliau memegang tam-puk kepimpinan FKE sebagai Dekan dari tahun 2010 hingga 2014.

"Berdasarkan reputasi dan kecemerlangan, beliau diberikan kepercayaan bagi memacu pentadbiran sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) UTeM pada tahun 2016 sehingga beliau dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTeM," katanya lagi.

Jelas Raha, kempimpin-

nan Zulkifilie sebagai Dekan PPS UTeM memberikan impak dalam meneraju serta memajukan PPS sebagai Pusat pengajian yang maju dan berdaya saing dalam konteks pembangunan pengajian siswazah.

"Ia merangkumi pelbagai cabang pengajian seperti kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan teknologi.

"Kejayaannya terukir cemerlang dalam konteks pentas penyelidikan dan inovasi UTeM di peringkat nasional dan antarabangsa apabila beliau dan UTeM meraih beberapa geran berprofil tinggi berimpak global dari KPT dan seluruh dunia.

"Beliau turut berjaya mengkomersialkan produk hasil rekaan beliau seperti e-Jari Biometrics Access System kepada SIRIM Berhad dengan nilai RM850,000 bagi kegunaan SIRIM serta produknya Fuel Saver e Fast bagi usaha penjimatatan petrol dan peningkatan prestasi enjin kenderaan," katanya.

Untuk rekod, Zulkifilie pernah memenangi lebih 10 Anugerah Inovasi dan Penyelidikan peringkat antarabangsa termasuk Anugerah Inovasi Jabatan Perkhidmatan Awam yang merangkul Anugerah Penyelidik Terbaik sebelum ini.

UTeM turut mengambil peluang merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad di atas sumbangan beliau sepanjang berkhidmat dengan UTeM.



## Yayasan Melaka salur RM1.135 juta

AYER KEROH 13 Oktober – Yayasan Melaka menyalurkan sumbangan berjumlah RM1.135 juta kepada beberapa Kumpulan Wang Amanah Negeri Melaka dalam usaha membantu Kerajaan Negeri meneruskan agenda pembangunan khususnya dalam bidang pendidikan di Negeri Melaka.

Penyerahan sumbangan ini telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Yayasan Melaka, Datuk Yusof Hj. Jantan kepada YB Datuk Zaidi Johari, Pegawai Kewangan Negeri Melaka sambil disaksikan oleh YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman Md. Ali, Ketua Menteri Melaka.

Dalam ucapan ringkasnya, Ketua Menteri berharap agensi-agensi dan anak-anak

syarikat Kerajaan Negeri yang lain dapat turut sama menyalurkan sumbangan kepada Kumpulan-Kumpulan Wang Amanah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

Beliau yang juga Pengurus Yayasan Melaka, meminta Pengurusan Yayasan Melaka dapat meneruskan usaha murni ini seiaras dengan objektif penubuhan Yayasan Melaka untuk sama-sama membantu membangunkan Negeri Melaka terutamanya kesinambungan pendidikan anak-anak Negeri Melaka.

Hadir sama, Mohd Faruk Mohd Sultan, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Melaka dan Nazri Saring, Pegawai Pelaburan Negeri.

# SK Telok Mas terima dua pondok menunggu

Liana Sahabudin

TELOK MAS - Ibu bapa serta murid Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Mas menarik nafas lega apabila sekolah tersebut akhirnya memiliki pondok menunggu yang selesa buat mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Noor Effandi Ahmad berkata, ia merupakan hasrat SK Telok Mas bagi mendapatkan pondok itu setelah sekian lama.

"Kos membina dua pondok ini sekitar RM8,000, saya yakin ia dapat memberi keselesaan kepada para murid dan ibu bapa yang datang ke sekolah ini.

"Pondok ini juga menyediakan 12 kerusi untuk murid-murid menunggu bas atau ibu bapa mereka sekali gus

- Kos pembinaan pondok RM 8,000
- Cadangan membesar-kan surau RM 120,000

mengekalkan penjarakan sosial antara satu sama lain," katanya kepada MHI.

Katanya, pondok menunggu itu juga boleh digunakan bagi acara di luar kelas kerana pembinaannya yang lebih fleksibel dan mudah dialihkan.

Pada masa sama, Noor Effandi turut melawat surau sekolah berkenaan bagi cadangan membesar-kan surau melibatkan kos RM120,000.



NOOR Effandi bergambar bersama selepas merasmikan pondok menunggu tersebut di SK Telok Mas.

# Budget 2021 to provide targeted support for economic vulnerable groups

KUALA LUMPUR - The 2021 budget, to be tabled on Nov 6, will be centered on four main thrusts, including targeted support for economic vulnerable groups during the COVID-19 pandemic, said Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The Prime Minister said many groups had been affected even though the government had provided various stimulus packages amounting to almost RM300 billion.

"This budget will provide another form of assistance and support to the groups," he said in a special press conference at his residence in Putrajaya recently.

As for the second thrust, he

said the budget would focus on supporting industries through specific incentives once recovery measures are implemented.

The other core thrusts include empowering service delivery and developing sustainable living.

Muhyiddin said the thrusts were aimed at preventing the B40 group (bottom 40 per cent of household income group) from falling into poverty by providing a strong safety net.

"My wish is to make the rakyat and businesses more resilient in the face of uncertainties due to COVID-19 and for the sake of national progress," he said.

The Prime Minister said the

focus of the budget will still be on efforts to save lives and livelihoods of the rakyat.

"For this, we will focus on the three main pillars, namely empowering the rakyat, supporting business and continuing to strengthen the economy."

"Besides that, we want to ensure that public health and support for the frontliners that has been done so far can be continued."

"Budget 2021 will continue the momentum of economic recovery that has been achieved through PRIHATIN, PRIHATIN Plus, the National Economic Recovery Plan or PENJANA, and KITA PRIHATIN packages," he said.- BERNAMA



MUHYIDDIN

## WHO praises Malaysia's handling of COVID-19 pandemic

KUALA LUMPUR - Malaysia's strong capacity in outbreak preparedness and response have helped establish a stable foundation in its outbreak response to COVID-19 pandemic so far, said World Health Organisation (WHO).

WHO Representative in Malaysia, Brunei and Singapore Dr Ying-Ru Jacqueline Lo said the country's infrastructure and a well-trained workforce to provide high-quality healthcare have also contributed towards this end.

In a commentary section in WHO website entitled 'A country united in the face of the pandemic', she said in the years prior to the pandemic, the government and the health authorities took great steps to bolster Malaysia's health security and multi-sectoral response capacity for health emergencies and disaster preparedness.

"These measures included preparation for and participation in a Joint External Evaluation of the International Health Regulations core capacities with the WHO in late 2019 to help identify the most critical gaps within human and animal health systems and the containment of environmental hazards."

"Identification of gaps enabled the prioritisation of needs and opportunities for enhanced preparedness and response. All of these components have played a crucial role in Malaysia's initial response to the pandemic," she said.

Dr Lo said in the early stages of the outbreak, in February 2020, Malaysia invested in increasing access to quality testing, the number of critical care beds and available ventilators.

Health services were

swiftly enhanced to meet both anticipated and emerging demands, as the government operationalized the Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) at the national and state levels, and mobilised recruitment and redistribution of health-care personnel according to high workload areas.

She added that Malaysia also took immediate steps to curtail transmission of the virus, including the implementation of the Movement Control Order and its various phases and iterations, which succeeded in helping reduce the number of COVID-19 cases by half over the month of April.

"Following key WHO recommendations to 'test, treat and track' the population for the virus, Malaysia enforced the 'Search, Test, Isolate, Treat and Quarantine' strategy to uncover cases in the community. It also took stringent measures regarding quarantine and isolation of confirmed and suspected cases."

She said the WHO Representative Office also works closely with the Ministry of Health (MoH) and partners to provide critical support in the areas of partner coordination, information and planning, technical expertise, operational support and logistics, in which WHO supplied initial test kits before it became commercially available and provided testing protocols for diagnosis in March 2020.

Dr Lo said significant measures were taken by the Malaysian government to communicate with the public proactively.

"The Malaysian government went to great lengths to ensure a comprehensive approach to risk communication

and community engagement and working to establish trust with the population.

"From the early days, the government promoted trusted sources of information to ensure the public had access to timely and accurate information on the latest COVID-19 developments and to offset the risk of an infodemic, as well as focusing on mass media campaigns and media monitoring," she said.

She also said while work-

ing to mitigate the spread of COVID-19, Malaysia was also responding to a poliovirus outbreak that was confirmed in Dec 2019 and it was the country's first outbreak since being declared polio-free in 1992.

"WHO, UNICEF and other partners worked in col-

laboration with MoH to control the outbreak, through enhanced surveillance, case detection, risk communication and the resumption of the immunisation response... the country was one of the first to resume its immunisation campaigns," she said.- BERNAMA

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Pengurusan ini ingin mempelawa individu-individu berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan berpengalaman untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

**PENGURUS (PENTADBIRAN & KEWANGAN)**

**Syarat kelayakan minimum:**

- Warganegara Malaysia
- Lokasi tempat bekerja: Melaka Tengah
- Keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Melaka /menetap di Melaka.
- Pemegang diploma dari Institusi Pengajian Tinggi yang diliktiraf dan calon yang memiliki latar belakang dalam bidang pertanian, pengurusan, kewangan, perakaunan, ekonomi dan bidang-bidang lain berkaitan.
- Calon yang memiliki minimum 3 tahun pengalaman, professional dalam pengurusan pentadbiran syarikat serta jaringan kerjasama awam dan swasta.
- Memiliki sifat-sifat kepimpinan yang cemerlang, komited dan berwawasan untuk membangunkan syarikat serta mempunyai semangat kerja berpasukan.
- Berpengalaman merancang strategi dan mencapai matlamat syarikat menerusi visi dan misi yang ditetapkan.
- Berumur tidak lebih dari 40 tahun dari tarikh tutup iklan tersebut.

Resume lengkap (termasuk nombor telefon, gambar berukuran passport dan gaji dipohon) hendaklah dihantar ke alamat e-mel [hrrecruitment20.com.my@gmail.com](mailto:hrrecruitment20.com.my@gmail.com) berikut sebelum /pada 25 Oktober 2020.

**Perhatian**

- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- Permohon yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

# Yakin Melaka United bangkit semula - Rauf

**KEKALAHAN** Melaka United ke atas pasukan JDT pada 10 Oktober lepas berpunca daripada masalah COVID-19 yang menyebabkan ramai pemain tidak bersedia dari segi mental.



## Suk Won mahu FAM hukum Syafiq Ahmad

TONGGAK pertahanan import Melaka United Jang Suk Won meminta Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengambil tindakan disiplin terhadap pemain Johor Darul Ta'zim (JDT), Muhammad Syafiq Ahmad.

Ia susulan tindakan pemain di posisi serangan JDT itu menyikuhnya dan gagal menunjukkan semangat kesukanan dalam aksi terakhir Liga Super di Stadium Hang Jebat, 10 Oktober lalu.

Menurutnya, tindakan itu seharusnya menerima kad merah daripada pengadil kerana jelas pemain itu mempunyai niat untuk melakukan kekerasan, namun pe-

ngadil hanya melayangkan kad kuning.

"Syafiq menyiku dagu saya ketika melonjak di udara. Pada pendapat saya dia memang tidak melihat bola pada waktu itu dan sengaja mahu mencederakan saya.

"Ia amat menyakitkan dan ada boleh melihat sendiri dalam rakan video. Sudah tentu saya merasakan sepatutnya dia menerima kad merah, tetapi pengadil hanya melayangkan kad kuning.

"Tidak hanya itu, selepas melakukan kekerasan, dia langsung tidak meminta maaf, sebaliknya terus mengejek saya. Saya tahu dia seorang pemain yang bagus, tapi

situasi itu jelas menunjukkan dia tiada semangat kesukanan," katanya ketika dihubungi Melaka hari Ini.

Mengulas lanjut insiden berkenaan, Suk Won meminta Jawatankuasa Tatatertib FAM untuk membuat penilaian melalui video perlawanan dan mengenakan tindakan sewajarnya bagi memberi pengajaran kepada semua pemain.

"Sebelum kejadian disiku, saya ada melakukan terjahan ke atas Syafiq, tetapi ia bukanlah terjahan yang keras kerana fokus saya ialah kepada bola. Cuma mungkin apa saya sedikit terlewat dan pengadil memberikan sepakan percuma kepada JDT. Bagi saya ia sesuatu yang biasa terjadi dalam bola sepak."

"Tetapi dia (Syafiq) tidak seharusnya menjadikan itu sebagai sebab untuk membala dendam dan melakukan kekerasan yang tidak sepatutnya. Memang jelas dia dengan sengaja mahu menyiku saya."

"Sebab itulah saya berharap FAM melakukan penilaian semula terhadap insiden berkenaan dan mengenakan hukuman sewajarnya berhubung tindakan yang tidak profesional itu," katanya lagi.

Terdahulu, dalam aksi terakhir Liga Super di Stadium Hang Jebat, Sabtu lalu, Melaka United diaibkan JDT selepas tewas 0-5, sekali gus tersungkur ke kedudukan kesembilan Liga Super.

"SAYA yakin pasukan bola sepak Melaka United boleh bangkit semula dalam Liga Malaysia yang akan datang," kata Penasihat Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh, baru-baru ini.

Beliau menyifatkan kekalahan Melaka United 0-5 di tangan Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam Liga Super pada 10 Oktober lepas berpunca daripada faktor semasa yang menjelaskan prestasi pemain.

"Saya lihat prestasi pasukan bola sepak Melaka United menurun mungkin atas faktor semasa dan suasana tidak menentu.

"Masalah wabak COVID-19 juga mungkin menyebabkan ramai dalam kalangan pemain tidak bersedia dari

segi mental," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi kedua Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam di Seri Negeri, pada 11 Oktober lepas.

Rauf berkata, Melaka United diyakini akan menunjukkan satu prestasi yang baik dalam satu pasukan dan pemain yang bakal dipilih untuk mewakili pasukan.

"Saya harap ketua pasukan, jurulatih dan juga pengurus pasukan untuk bersedia menghadapi Liga Malaysia musim depan," katanya.

## SK Kampung Gelam jadi 'pengeluar' atlet kriket Melaka

MELAKA mampu menjadi antara negeri yang melahirkan atlet pelapis sukan kriket di negara ini pada masa akan datang.

Itu nada keyakinan disuarakan Ketua Jurulatih Kriket Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Gelam, Rahmat Shah Sekboon susulan tertubuhnya Pusat Pembangunan Kriket Kampung Gelam.

Dia yang juga berpengalaman menjadi guru Pendidikan Jasmani selama 13 tahun berkata, pusat berkenaan telah giat melahirkan atlet-atlet muda berbakat besar dalam sukan berkenaan sejak 11 tahun lalu dan kini masih serius dalam aspek pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

"Usaha saya membuka Pusat Pembangunan Kriket Kampung Gelam dan menjadi jurulatih bermula pada tahun 2009, iaitu 11 tahun lalu dengan bimbingan Melaka Cricket Association (MCA).

"Ketika itu hanya ada 14 pemain utama dan pelapis. Kelengkapan peralatan pula disumbangkan wakil rakyat pada masa itu. Kini, saya mempunyai sijil jurulatih level 1 daripada Malaysian Cricket Association di Akademik kriket, Bandar Kinrara," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, ujarnya buat masa ini dia telah melatih seramai 23 atlet di sekolah berkenaan dan tidak mengambil ramai pemain baharu pada setiap tahun susulan kekurangan jurulatih.

"Pada peringkat permulaan, ahli kelab ini adalah seramai 12 orang. Jurulatih yang ada sekarang pun adalah secara sukarela iaitu saya sebagai ketua jurulatih dan dua orang lagi pembantu jurulatih Sukuri Jarno dan Md Fauzi Taha.

"Pemain juga tidak dikenakan apa-apa bayaran yuran. Saya mengambil inisiatif ini bertujuan melahirkan atlet kriket yang berkualiti bagi Negeri Melaka. Saya juga tidak pernah berkira tenaga dan masa selama ini," katanya.

Hasil usaha kerasnya bersama pembantu jurulatih serta warga SK Kampung Gelam dan pemimpin setempat, pusat berkenaan kini telah mengecap pelbagai kejayaan untuk Melaka.

Antaranya, berjaya melahirkan dua orang pemain yang kini tersenarai dalam skuad kriket Bawah 19 tahun negara iaitu Muhammad Amirul Syahmi Rahmat Shah dan Mohd Alif Edy Razlan yang kini sedang melanjutkan pelajaran di Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ).

"Selain itu kita juga menjadi johan pasukan di Kejohanan Kriket bawah 12 tahun (U12) MSS Melaka tahun 2013, 2014, 2017, 2018 dan 2019 serta menjadi naib johan Kebangsaan Kejohanan Kriket U12 MSS Malaysia di Setiu, Terengganu tahun 2014.

"Tahun lalu, kita juga pernah muncul naib johan Plate kategori U12 dalam Kejohanan MSS Malaysia dan tempat ketiga peringkat kebangsaan dalam Kejohanan Champions School Kebangsaan U12 di Pusat Akademik Malaysia di Kinrara Oval yang mana anak bongsu saya, Muhammad Afiq Haziq Rahmat Shah, 10 muncul sebagai 'The Best Bowler' ketika itu," katanya.

Jelasnya, kini boleh dikatakan hampir 70 peratus pemain di bawah kategori 12 tahun, 16 tahun, bawah 18 dan bawah 19 tahun serta kontingen kriket SUKMA Melaka adalah datangnya daripada hasil produk Pusat Pembangunan Kriket Kampung Gelam.

"Apa pun, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang membantu pusat pembangunan ini sehingga sekarang. Mereka yang menghulurkan bantuan termasuklah Datuk Seri Utama Idris Haron; Datuk Wira Prof. Abu Bakar Md Diah; Datuk Nor Azman Hassan; Dr. Arash Khamis; Persatuan Kriket Melaka; Persatuan Kriket Malaysia; Sekolah Sukan Bukit Jalil serta ibu bapa, guru-guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kampung Gelam," katanya.



SUK Won (kiri) dan Syafiq Ahmad cuba mengejar bola dalam aksi terakhir Liga Super di Stadium Hang Jebat, Sabtu lalu. FOTO: MUSA

# Sukan



# BANGKIT MELAKA UNITED!

**PENASIHAT** Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh meletakkan keyakinannya ke atas pasukan Melaka United untuk bangkit dalam saingan Liga Malaysia pada musim hadapan. Beliau memberitahu, pandemik COVID-19 menjadi faktor prestasi tidak menentu skuad Sang Kancil yang menyebabkan sebahagian besar pemain tidak bersedia dari segi mental.

MS23



**"Syafiq menyiku  
dagu saya ketika  
melonjak di udara"**

**MS23**



# Demi lahir atlet kriket Melaka

MS23

The image shows a row of modern, two-story townhouses with white facades and orange roofs. In the foreground, there is a large yellow banner with the following text:

**SCIENTEX**  
DURIAN TUNGGAL

Rumah Mampu Milik Rumah Teres 2 Tingkat

Harga dari **Rm 180K\***

3 Bilik Tidur + 2 Bilik Mandi

Rumah Idaman Menanti Andal

06-553 0088

[www.scientex.com.my](http://www.scientex.com.my)

A blue arrow at the bottom left points to the text "Hak Milik Kekal". There are also two pink gift boxes with yellow ribbons.